

HARI ISNIN

15 November 1993  
1 Jamadil-Akhir 1414

NEGERI TERENGGANU

PENYATA RASMI  
DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KELAPAN  
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA

Persidangan Kali Yang Keempat

15 November 1993

1 Jamadil-Akhir 1414

*Dikeluarkan oleh:*

PEJABAT DEWAN UNDANGAN NEGERI  
TERENGGANU

БАЛЫКЕСІРДІК  
АДАМДАРДА АДАМДАРДА

ДОЛЫНДАРДА  
ДОЛЫНДАРДА  
ДОЛЫНДАРДА

ДОЛЫНДАРДА  
ДОЛЫНДАРДА  
ДОЛЫНДАРДА

ДОЛЫНДАРДА

ДОЛЫНДАРДА  
ДОЛЫНДАРДА  
ДОЛЫНДАРДА

**DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS**

*dari pada:*

**Setiausaha  
Dewan Undangan Negeri  
Terengganu.**



Hari Isnin  
15 November 1993  
1 Jamadil-Akhir 1414

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [ Muka 1 ]
2. Doa [ Muka 5 ]
3. Upacara Mengangkat  
Sumpah Ahli Dewan  
Undangan Negeri Kawasan  
Kampong Raja. [ Muka 5 ]
4. Ucapan Yang Berhormat  
Dato' Yang diPertua [ Muka 5 ]
5. Kertas-kertas Kerja dan  
Laporan-laporan. [ Muka 7 ]
6. Soalan-soalan yang  
telah diberi notis -
  - (1) Soalan-soalan dan  
jawapan-jawapan  
bertulis. [ Muka 8 ]
  - (2) Soalan-soalan dan  
jawapan-jawapan  
lisan. [ Muka 9 ]

7. Usul Yang Telah diberi  
Notis -
- (1) Tambahan Peruntukan  
Yang Ketiga daripada  
Kumpulanwang Pem-  
bangunan untuk Per-  
belanjaan Rancangan  
Kemajuan Negeri  
bagi tahun 1993. [ Muka 24 ]
8. Rang Undang-Undang -
- (1) Enakmen Perbekalan  
Tambahan (1993)  
(No.2) 1993. [ Muka 28 ]  
(rundingan dalam semua peringkat)
- (2) Enakmen Undang-Undang  
Bagi Diri Kerajaan  
Terengganu (Pindaan)  
1993. [ Muka 34 ]  
(rundingan dalam semua peringkat)
9. T A N G G U H A N . [ Muka 62 ]

HADIR

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA

Dato' Engku Bijaya Sura,  
DSMT., DPMT., SMT., AMN., PJC., PJK., BLB.  
(Dato' Syed Omar bin Mohamad)

WAKIL PAKA

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR

Dato' Seri Amar Di Raja,  
SSMT., PSM., SPMT., DA., DPMJ., KMN., JP., PJK.  
(Tan Sri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad)

WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Dato' Haji Abu Bakar bin Daud,

DSMT., DSAP., DPMT., JMN., PJC., PJK.

WAKIL LADANG

" " Dato' Haji Ahmad Sidi bin Haji Ismail  
DSMT., DPMT., KMN., JP., PJC., PJK.

WAKIL TELEMONG

" " Dato' Haji Abd.Rashid bin Ngah,  
DSMT., DPMT., JSM., PJC., PJK.

WAKIL SEBERANG TAKIR

" " Dato' Haji Wan Zakaria bin Abdul Rahman,  
DPMT., ASM., PJC., PJK., PPN.

WAKIL KUALA BESUT

" " Dato' Haji Muda bin Mamat, DPMT., PJK., PPN.  
WAKIL BINJAI

" " Dato' Haji Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman,  
DPMT., ASM., SMT., PJK.

WAKIL LANGKAP

" " Encik Aziz @ Ibrahim bin Awang, SMT., PJK.  
WAKIL SURA

" " Dr. Abdul Wahab bin Ngah, SMT.  
WAKIL BATU RAKIT

15 November, 1993

**Yang Berhormat Haji Muda bin Abdullah, SMT., AMN., JP., PJK.  
WAKIL JERANGAU**

- " " Haji Harun bin Ali, AMT., AMN., PJK.  
**WAKIL MERCANG**
- " " Haji Wan Muda bin Mohd., AMT., AMN., PJK., PPN.  
**WAKIL KUALA BERANG**
- " " Haji Harun bin Hassan, AMT., AMN., PJK.  
**WAKIL BUKIT BANDI**
- " " Haji Yusof @ Jusoh bin Musa, AMN., PJK.  
**WAKIL SERADA**
- " " Haji Abu Bakar bin Ali, AMT., AMN., PJK.  
**WAKIL KEMASEK**
- " " Haji Daud bin Abu Bakar, AMI., PJK.  
**WAKIL HULU BESUT**
- " " Encik Ahmad bin Said, PJK.  
**WAKIL KIJAL**
- " " Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohd, DPMT., ASM., PJK., BLB.  
**WAKIL TELUK PASU**
- " " Haji Shafi'i bin Omar, PJK.  
**WAKIL PERMAISURI**
- " " Haji Abdullah @ Wahab bin Saaid, AMN., PJK.  
**WAKIL TEPOH**
- " " Haji Mazlan bin Awang, PJK.  
**WAKIL BUKIT PAYONG**
- " " Haji Mohd. Noor bin Hussin,  
**WAKIL KAMPONG RAJA**
- " " Haji Harun bin Taib,  
**WAKIL MANIR**
- " " Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong,  
**WAKIL BATU BUROK**

15 November 1993

Yang Berhormat Haji Harun bin Jusoh, JP., PJK.

WAKIL BANDAR

" " Haji Abdul Latif bin Mohamad

WAKIL JERTEH

" " Haji Mohd. Abdul Wahid bin Haji Endut

WAKIL WAKAF MEMPELAM

" " Haji Zahari bin Mohamad

WAKIL JABI

Yang Amat Mulia Tengku Sri Paduka Raja

(Yang Berhormat Tengku Ibrahim Ibni Almarhum

Sultan Ismail Nasiruddin Shah), DK.

WAKIL TANGGUL

Yang Berhormat Haji Mansor bin Sulong @ Ali, PJK.

WAKIL BUKIT TUNGGAL

TIDAK HADIR

Yang Berhormat Haji Abdul Hadi bin Haji Awang

WAKIL RHU RENDANG

HADIR menurut Fasal XIII(3) Undang-Undang Bagi Diri  
Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama):

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Seri Dato' Lela Perkasa

(Dato' Seri Mohd. Azahar bin Othman)

SSMT., SPMT., PJC., PJK., BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Encik Idrus bin Harun.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Senara Muda

(Dato' Haji Mazlan bin Hashim)

DPMT., ASM., PJC., PJK., BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik Osman bin Muda, PJK.

(Pegawai Tadbir Negeri Terengganu).

15 November 1993

15 November 1993

DOA - Dibaca oleh YBM Dato' Yang di-Pertua

UPACARA MENGANGKAT SUMPAH AHLI DEWAN  
UNDANGAN NEGERI

[ Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Kampong Raja, Yang Berhormat Haji Mohd. Noor bin Hussin mengangkat sumpah di hadapan Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua Dewan ]

UCAPAN YBM DATO' YANG DI-PERTUA DEWAN

بسم الله الرحمن الرحيم  
وبه نستعين  
الصلوة والسلام على اشرف المرسلين  
وعلى الله وصبه اجمعين  
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amar di-Raja, Tan Sri, Dato' Seri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad, Menteri Besar Terengganu serta ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Saya bersyukur kerana pada hari ini kita masih lagi dapat berada di Dewan yang mulia ini. Saya mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Wakil Kampong Raja menyertai Dewan Yang Mulia ini serta mengucapkan tahniah diatas kejayaan Yang Berhormat Haji Mohd. Noor bin Hussin mewakili kawasan Kampong Raja.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, perkara utama yang ada di hadapan kita untuk dibincangkan pada hari ini ialah satu Usul dan dua Rang Undang-undang. Saya rasa perbahasan untuk ini tidak akan memakan masa yang panjang, memadai dengan masa yang telah saya tetapkan iaitu satu hari sahaja. Saya berharap ahli-ahli Yang Berhormat sekalian pandai-pandailah menjimatkan masa dengan tidak menimbulkan masalah dan juga perkara-perkara yang tidak ada kena mengena dengan apa yang sepatutnya kita bincangkan.

15 November 1993

Dukacita saya nyatakan pada pagi ini masih lagi terdapat Ahli-ahli Yang Berhormat yang membuat soalan-soalan yang tidak banyak berubah sebagaimana saya nyatakan dalam ucapan saya yang lepas-lepas. Setiap kali Persidangan Dewan Undangan Negeri, saya telah mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian supaya mengemukakan soalan dengan jelas dan tidak berkait di antara satu sama lain. Pada hari ini juga sekali lagi saya menyeru kepada Yang Berhormat sekalian supaya tidak mengemukakan soalan-soalan yang jika untuk mencari kebenaran fakta sahaja sebagaimana contohnya ada soalan yang dikemukakan terdapat di dalam buku-buku laporan seperti Laporan Ketua Audit Negara dan buku ini telahpun dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri. Dan laporan ini pula akan diserah untuk dikaji oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri untuk dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri. Yang Berhormat telah cuba membuat soalan-soalan yang terdapat dalam buku Laporan tersebut sedangkan ia terbukti dengan jelas di dalam buku Laporan itu.

Satu perkara lagi, saya suka menyentuh soalan yang dikemukakan jelas telah terjawab dengan sendirinya dalam laporan tersebut. Saya terpaksa menolak soalan-soalan yang sebegini dan ini menunjukkan dengan jelas yang mengemukakan soalan itu hanya untuk menguji kepakaran pihak-pihak tertentu. Satu perkara lagi saya juga ingin menyentuh, sesuatu soalan itu hendaklah padat dan tidak perlu diadakan mukaddimah, kenyataan atau pun anggapan, tohmannan atau perbahasan. Yang Berhormat hanyalah perlu pergi kepada soalan yang tepat manakala untuk tambahan bagi soalan itu bolehlah ditanya soalan tambahan semasa jawapan dikemukakan tetapi soalan-soalan tambahan yang hendak dikemukakan hendaklah ada kaitan dengan soalan asal. Soalan-soalan tambahan tidak dibenarkan samasekali dijadikan perbahasan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pada persidangan hari ini saya banyak menolak soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya percaya ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan telah pun dimaklumkan mengenai dengan ini. Saya berharap ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan faham kenapa dan mengapa soalan-soalan ahli-ahli Yang Berhormat itu ditolak. Semoga Allah memberi taufik dan hidayahNya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian pada hari ini masa kita berada di dalam Dewan.

Sekian SELAMAT BERSIDANG.

15 November 1993

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

- D.U.N.Bil: 17 Tahun 1993      Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.3) 1993.  
Perbelanjaan 1993.
- D.U.N.Bil: 18 Tahun 1993      Peruntukan Tambahan Kedua Anggaran Bekalan Tahun 1993.
- D.U.N.Bil: 19 Tahun 1993      Laporan Tahunan Kolej Agama Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu (KUSZA) bagi tahun 1989.
- D.U.N.Bil: 20 Tahun 1993      Laporan Tahunan Kolej Agama Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu (KUSZA) bagi tahun 1990.
- D.U.N.Bil: 21 Tahun 1993      Keistimewaan-keistimewaan Bagi Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (Seksyen 5 Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980).
- D.U.N.Bil: 22 Tahun 1993      Keistimewaan-keistimewaan Bagi Ahli Dewan Undangan Negeri (Seksyen 5 Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980).

15 November 1993

**SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS**

**SOALAN-SOALAN BERTULIS**

Soalan-soalan dan jawapan-jawapan bertulis daripada Ahli-ahli yang berikut telah dibentangkan di atas meja:-

- (1) Yang Amat Mulia Tengku Sri Paduka Raja,  
Yang Berhormat Tengku Ibrahim Ibni Al Marhum  
Sultan Ismail Nasiruddin Shah  
(Wakil Tanggol)
- (2) Yang Berhormat Haji Mohd.Abdul Wahid bin Haji Endut  
(Wakil Wakaf Mempelam)
- (3) Yang Berhormat Haji Zahari bin Muhammad  
(Wakil Jabi)

15 November 1993

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Haji Harun bin Taib,(Wakil Manir) mengemukakan soalan -

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dan ahli-ahli Yang Berhormat serta hadirin sekalian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya kemukakan soalan yang pertama.

Adakah kerajaan negeri membuat apa-apa bantahan ke atas cadangan persempadanan kawasan pilihanraya yang dikemukakan oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya (SPR). Jika ada sila nyatakan kawasan yang terlibat alasan dan cadangan oleh pihak kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (WAKIL SEBERANG TAKIR): Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri memang membuat bantahan terhadap cadangan persempadanan semula kawasan pilihanraya bagi Negeri Terengganu yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPR). Kerajaan Negeri tidak bersetuju dengan semua pengesyoran-pengesyoran yang dibuat oleh SPR bagi meminda sempadan bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri di Negeri Terengganu. Bantahan Kerajaan Negeri tersebut berdasarkan alasan -

1. Tiada pertambahan bilangan bahagian pilihanraya baik Parlimen maupun Negeri.
2. Kedudukan dalam bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri seperti yang ada sekarang tidak menimbulkan sebarang kesulitan kepada pemilih atau wakil yang mereka pilih untuk berurusan dan berkhidmat. Jika di dalam urusan pentadbiran harian tidak terdapat sebarang masalah dan kesulitan yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri dalam semua peringkat baik negeri maupun daerah.
3. Pada beberapa tempat di dalam pengesyoran yang dibuat oleh SPR terdapat beberapa kerumitan bagi urusan perjalanan dan perhubungan diantara pemilih dengan wakil mereka. Oleh hal yang demikian Kerajaan Negeri merayu supaya SPR mengekalkan semua bahagian-bahagian pilihanraya dan Parlimen seperti apa yang ada sekarang.

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

15 November 1993

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Kalau tidak salah ingat saya dalam Persidangan yang lalu saya pernah meminta pandangan sikap Kerajaan berhubung dengan penambahan atau persempadanan baru bagi kerusi-kerusi Dewan Undangan Negeri dan Parlimen bagi Negeri Terengganu ini dan Kerajaan Negeri menyatakan persempadanan baru itu adalah wajar tetapi pada hari ini kita dapat bahawa persempadanan baru yang dibuat pada sesi yang lalu itu sudah dipinda dan dipamer baru iaitu mempunyai perubahan-perubahan yang sebenarnya tidak sepertimana yang dinyatakan oleh ExCo menjawab tadi. Saya ingin mendapat penjelasan - Apakah pihak SPR terus dengan usahanya mengadakan persempadanan baru mengikut fikiran mereka walaupun telah dibantah oleh pihak Kerajaan. Ini berdasar kepada persempadanan baru yang dipamerkan baru-baru ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (WAKIL SEBERANG TAKIR): Terpulanglah kepada pertimbangan SPR Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (WAKIL BATU BUROK): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Soalan tambahan - Sejauh manakah pandangan Negeri dari sudut pentadbiran diambil kira oleh SPR dalam membuat persempadanan baru.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABJUL RASHID BIN NGAH (WAKIL SEBERANG TAKIR): Sebenarnya mengikut penerangan yang diberi oleh pihak SPR dalam pertemuan atau apa-apa yang disebut dalam perbicaraan umum yang dilakukan pada 14 haribulan Oktober baru-baru ini jelas menunjukkan ada hal-hal yang tertentu yang telah diambil kira oleh SPR dan SPR juga telah mendengar pandangan-pandangan daripada Kerajaan Negeri dan wakil-wakil lain yang membuat bantahan. Sekali lagi, terpulanglah kepada SPR untuk menimbangkannya.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (WAKIL BATU BUROK): Penjelasan, Dato' Yang di-Pertua - Maksud saya, sebelum SPR mengemukakan pandangan dan cadangan berkenaan dengan persempadanan baru, sejauh manakah diterima pandangan daripada Pertadbiran Negeri oleh SPR.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (WAKIL SEBERANG TAKIR): Sebagai sebuah Badan Bebas, SPR tidak sepertutnya mendapat pandangan atau merujukkan kepada Pertadbiran Negeri sebelum itu. Jadi kita dapat tahu apa yang dicadangkan oleh SPR maka sebab itulah kita mengemukakan pandangan bila kita tidak bersetuju dengan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh SPR Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Ada orang mengatakan bahawa SPR

15 November 1993

pernah menawarkan kepada Kerajaan Negeri Terengganu atau mengambil pandangan daripada Kerajaan Negeri Terengganu untuk menawarkan penambahan satu kerusi Parlimen bagi Negeri Terengganu tetapi pihak Kerajaan Negeri Terengganu tidak dapat menerimanya. Apakah desas desus atau kata-kata ini benar atau pun tidak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (WAKIL SEBERANG TAKIR): Dato' Yang di-Pertua, seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat desas desus, maka desas desuslah ertinya itu.

YANG BERHORMAT HAJI MANSOR BIN SULONG @ ALI (WAKIL BUKIT TUNGGAL): Yang Berhormat Mulia Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan - Adakah ini bermaksud pihak Kerajaan juga tidak bersetuju kawasan Parlimen Kuala Nerus ditambah satu lagi kawasan DUN iaitu DUN Manir. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (WAKIL SEBERANG TAKIR): Itu satu daripada apa yang terkandung di dalam bantahan kita. ertinya bila kita kata tidak bersetuju, ertinya kita bersetuju dengan apa yang ada termasuklah apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, soalan kedua -

Hingga setakat ini berapa ramaikah kalangan peneroka di negeri ini yang telah diberi hak milik tanah dan masalah-masalah yang dihadapi bagi kes-kes yang belum selesai.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (WAKIL TELEMONG): Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, seramai 1812 orang peneroka di enam rancangan telah selesai menjelaskan bayaran memiliki harta (BMH), adalah layak untuk dikeluarkan hakmilik kepada mereka. Daripada jumlah tersebut 1508 orang telah diberi hakmilik tanah, lebih kurang 83%.

Tiada masalah yang dihadapi dalam menguruskan penyediaan hakmilik. Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, bolehkah pihak Kerajaan menyatakan dari jumlah tersebut dengan mengikut pengagehan daerah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (WAKIL TELEMONG): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, tidak berapa jelas, minta ulang sekali lagi.

15 November 1993

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR): 1800 yang telah dinyatakan oleh pihak Kerajaan, saya minta penjelasan mengikut pengagehan Daerah-daerah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (WAKIL TELEMONG):  
Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

<u>RANCANGAN</u>	<u>JUMLAH</u> <u>PENEROKA</u>	<u>JUMLAH</u> <u>PATUT</u>	<u>JUMLAH</u> <u>TERIMA</u>	<u>PERATUS</u>
Tenang Besut	288	70	70	100
Chalok	403	386	279	72
Belara	208	208	208	100
Bukit Bading	585	539	373	70
Jerangau	733	434	403	93
Seberang Taylor	213	175	175	100

Sekian, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Bolehkah pihak Kerajaan menjelaskan masalah-masalah yang masih dihadapi kepada sebahagian yang patut mendapat hak milik dan belum lagi diberi sebagaimana yang dinyatakan oleh pihak Kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (WAKIL TELEMONG): Kepada peneroka yang memohon surat tanah hak milik ini tidak ada masalah untuk Kerajaan mengeluarkannya.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Apakah syarat-syarat yang dikenakan kepada para peneroka yang telah diberi hak milik.

15 November 1993

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (WAKIL TELEMONG): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, apabila peneroka selesai menjelaskan bayaran memiliki harta maka layaklah mereka memohon hak milik.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (WAKIL BATU BUROK): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Ada daripada angka-angka yang diberi oleh Yang Berhormat ExCo tadi yang masih lagi ketinggalan seperti Bukit Bading, Calok, Jerangau Barat. Apakah sebab-sebab yang menjadikan ada ketinggalan pemberian hak milik itu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (WAKIL TELEMONG): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, yang ketinggalan, yang belum selesai menjelaskan bayaran miliki harta dan yang belum memohon atau pun dia telah memohon tetapi dalam proses Pejabat Tanah untuk mengeluarkan hak milik.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (WAKIL BATU BUROK): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Adakah benar dan bolehkah menjadi bokti hujjah bahawa setiap mereka yang telah selesai membayar hutang kepada FELDA itu dan memohon diberi hak milik - boleh?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (WAKIL TELEMONG): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sekali lagi, tak berapa jelas itu.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (WAKIL BATU BUROK): Saya kata perlahan Dato' Yang di-Pertua - Adakah benar dan menjadi hujjah penerimaan bahawa mereka yang telah menjelaskan kesemua hutang kepada FELDA dan memohon akan diberikan dan dikeluarkan hak milik individu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (WAKIL TELEMONG): Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya tidak berapa jelas soalan itu, minta maaflah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (WAKIL BATU BUROK): Dato' Yang di-Pertua, saya perjelaskan sejelas-jelasnya - Mengikut kenyataan ExCo yang bertanggongjawab, mereka-mereka yang telah menjelaskan bayaran hutang dan membuat permohonan telah pun diberi hak milik individu - jelas? Dan mereka-mereka yang juga telah menjelaskan dan membuat permohonan ada yang dalam proses pemberian. Soalan sayanya dan penjelasan yang saya pohon - Adakah, sebagai kenyataan fakta yang boleh diterima, bahawa mereka-mereka yang telah menjelaskan hutang kepada FELDA dan telah membuat permohonan akan diberi hak milik individu tanpa apa-apa lagi syarat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (WAKIL TELEMONG): Betullah itu. Akan diberilah.

15 November 1993

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTALIB BIN EMBONG (WAKIL BATU BUROK): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Adakah pihak Kerajaan sedar bahawa ada beberapa peneroka yang telah pun membuat penyelesaian hutang sepenuhnya beberapa tahun tetapi pihak FELDA enggan membuat sokongan untuk mendapat milikan berasingan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (WAKIL TELEMONG): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya perlu kepada kenyataan yang bertulis daripada Yang Berhormat untuk tindakan selanjutnya.

YANG AMAT MULIA TENGKU SRI PADUKA RAJA

YANG BERHORMAT TENGKU IBRAHIM IBNI AL MARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH (WAKIL TANGGOL): Yang Berhormat Mulia Yang di-Pertua, soalan tambahan - Didalam syarat yang terkandung di dalam Gran yang telah pun diberi kepada peneroka ada menyebut Tanah yang dimiliki oleh seorang peneroka itu tidak boleh dipegang oleh lebih daripada seorang. Sealan saya lalah - Ditakdirkan hamba Allah ini meninggal dunia bermakna tanah yang dimiliki oleh beliau itu menjadi tanah tarekah, adakah Kerajaan hendak menukar syarat ini supaya isteri, anak dapat, orang kata di pindah milik atau pun menjadi tanah tarekah supaya anak dan isteri dapat menikmati tanah tersebut. Sekian.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (WAKIL TELEMONG): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dalam masalah pesaka saya kira tidak berbangkit masalah ini.

YANG AMAT MULIA TENGKU SRI PADUKA RAJA

YANG BERHORMAT TENGKU IBRAHIM IBNI AL MARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH (WAKIL TANGGOL): Soalan tambahan - Saya tidak faham itu Yang Berhormat Mulia Yang di-Pertua, kenapa soalan tak berbangkit, ini soalan yang dibuat oleh Allah Subhanahuwataala. Sebab apa, kalau seseorang itu meninggal dunia bermakna tanah yang diterokai oleh seorang peneroka itu menjadi tanah tarekah, itu kita tidak boleh pinda, tidak ada Undang-Undang, yang dibuat oleh manusia boleh di pinda, itu adalah Undang-Undang Allah Subhanahuwataala. Saya hendak tanya, adakah Kerajaan hendak meminda supaya tanah itu boleh jadi tanah tarekah oleh kerana si peneroka ini apabila dia dah memiliki sampai 15 tahun, 20 tahun dan apabila dia meninggal dunia maknanya bolehlah anak isteri mereka menikmati daripada hasil...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (WAKIL TELEMONG): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya agak keliru kerana Yang Berhormat daripada Tanggot berpusing-pusing membuat kenyataan, saya pocong supaya

15 November 1993

diberi soalan tambahan untuk membolehkan saya memberi penjelasan yang sebaik-baiknya.

YANG AMAT MULIA TENGKU SRI PADUKA RAJA

YANG BERHORMAT TENGKU IBRAHIM IBNI AL MARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH (WAKIL TANGGOL): Terima kasih Yang Berhormat Mulia Yang di-Pertua. Soalan saya senang sahaja - Adakah Kerajaan hendak meminda syarat tadi? Syarat yang mengatakan "Tanah ini hanya boleh dimiliki oleh seorang sahaja". Tidak boleh lebih daripada seorang sebab kalau dia mati macam mana jadi kepada tanah itu. Itu saja soalan, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (WAKIL TELEMONG): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, memanglah dalam sekatan kepentingan "Tanah ini tidak boleh dimiliki oleh lebih daripada seorang dan tidak boleh dipecah sempadan, pecah bahagian atau disatukan dengan tanah lain melainkan dalam soal pesaka "tarekah".

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR): Dato' Yang di-Pertua soalan tambahan - Saya tidak berapa faham, maknanya tanah ini boleh difaraidkan atau tidak boleh difaraidkan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (WAKIL TELEMONG): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, harta bolehlah difaraidkan mengikut hasnaf waris-waris yang ada. Bahagian kepada waris-waris yang ada.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (WAKIL BATU BUROK): Yang Berhormat Mulia Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan - Sejauh manakah Kerajaan peka bahawa Rancangan Kampong Rahmad itu terdahulunya menjanjikan kepada peneroka pengeluaran gran KRM 2 tetapi pengeluaran yang diberi ialah Lease 99 tahun.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (WAKIL TELEMONG): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan amat cakna, peka, masalah peneroka ini. Dulu tanah ini dibahagi secara kooperasi. Apabila peneroka mendesak Kerajaan supaya dibahagi secara individu Kerajaan telah memberi kebenaran, memberi kelulusan tanah FELDA itu di bahagi secara individu. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (WAKIL BATU BUROK): Penjelasan, Dato' Yang di-Pertua, soalan saya - Kepekaan Kerajaannya, terdahulu setiap peneroka dijanjikan KRM 2 tetapi sekarang ini di beri hanyalah "Leasehold" atau pun Tanah Lease. Bukan soal permintaan,

15 November 1993

terdahulunya Kerajaan buat surat perjanjian kepada individu akan mengeluarkan tanah kekal KRM.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (WAKIL TELEMONG): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dalam hal itu saya rasa Kerajaan akan melihat semula.

YANG AMAT MULIA TENGKU SRI PADUKA RAJA

YANG BERHORMAT TENGKU IBRAHIM IBNI AL MARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH (WAKIL TANGCOL): Yang Berhormat Mulia Yang di-Pertua, soalan tambahan - Berbalik saya kepada soalan saya tadi cuma saya hendak tahu apakah Kerajaan hendak meminda syarat yang terkandung di dalam Syarat Nyata tadi yang Yang Berhormat sebut tadi, itu saja.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (WAKIL TELEMONG): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, tidak, kerana tidak berbangkit apa-apa masalah.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan lain - Saya jemput Wakil Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD.ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (WAKIL WAKAF MEMPELAM): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan ahli-ahli Dewan sekalian, Assalamu-alaikum Warahmatullahitaala Wabarakatuh. Soalan kedua -

Berapa orangkah pegawai dan kakitangan yang dihantar oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) untuk berkutbah dan berceramah di masjid-masjid dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Kampung Raja pada hari Jumaat, 8hb Oktober 1993 semasa kempen pilihanraya kecil baru-baru ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (WAKIL TELEMONG): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, seramai 9 orang pegawai telah dihantar oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD.ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (WAKIL WAKAF MEMPELAM): Soalan tambahan Dato' Yang di-Pertua - Adakah ianya menjadi kebiasaan atau amalan oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Agama untuk menghantar Pegawai-pegawai berkutbah, berceramah setiap kali pilihanraya kecil diadakan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (WAKIL TELEMONG): Tidak menjadi dasar, Yang Berhormat Yang di-Pertua tetapi secara kebetulan.

15 November 1993

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (WAKIL BATU BUROK): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Adakah Kerajaan sedar dan khususnya ExCo peka antara penceramah itu menyatakan dan menzahirkan dia pergi untuk mengempen Pilihanraya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (WAKIL TELEMONG): Itu pada anggapan Yang Berhormat daripada Batu Burok, pada anggapan Kerajaan tidak.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Apakah ada Jabatan yang berkenaan ada membayar apa-apa imbuhan, bayaran perjalanan atau elaun semasa mereka ini pergi berkutbah ditempat tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (WAKIL TELEMONG): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, berbolok, tak berapa jelas, semula.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR): Ada apa-apa imbuhankah Tuan Yang di-Pertua semasa dia pergi berkutbah itu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (WAKIL TELEMONG): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, tiap-tiap Pegawai Kerajaan yang diarah menjalankan tugas dia adalah dibayar imbuhan atau pun elaun perjalanan.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR): Dato' Yang di-Pertua...

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Di bayar.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR): Di bayar - terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (WAKIL BATU BUROK): Dato' Yang di-Pertua, penjelasan kepada soalan saya tadi, saya tanya adakah ExCo sedar antara pengkhutbah yang pergi membaca khutbah itu dalam khutbahnya dia kata dia hendak mari mengempen. Dia hendak ceramah ini hendak mari mengempen pilihanraya, dalam ceramah dia selepas khutbah itu. Adakah Kerajaan sedar khususnya ExCo yang bertanggongjawab ini sedar ada pegawai yang semacam itu, bukan anggapan saya. Dia selepas dia sembahyang itu, selepas khutbah dia berceramah dia kata, "Saya mari ini khusus untuk hendak mengempen Pilihanraya". Adakah Kerajaan sedar, khususnya ExCo sedar?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (WAKIL TELEMONG): Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya tidak menerima maklumat itu atau pun

15 November 1993

Kerajaan tidak menerima maklumat itu dan saya kira kita tidak mengarahkan supaya dia menyebut sedemikian rupa.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (WAKIL BATU BUROK):  
Yalah, mungkin dia ini bertindak lebih daripada apa yang diarahkan tetapi kalau ada apakah janji Kerajaan untuk menyiasatnya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (WAKIL TELEMONG): Yang Berhormat Yang di-Pertua, ada diantara Pegawai Kerajaan, Pegawai-pegawai kita ini terutama di Jabatan Ugama ada yang terlampaui laju, ada yang laju, ada yang slow. Jadi, kita akan memberi perhatianlah dalam hal ini.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, apakah Kerajaan bercadang untuk mengambil apa-apa tindakan kepada Pegawai-pegawai yang laju ini?...(KETAWA)...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (WAKIL TELEMONG): Kalau terlampaui laju terbukti dia terbabas, kita akan ambil tindakan.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya jemput Wakil Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI ZAHARI BIN MUHAMMAD (WAKIL JABI): Assalamualaikum Warahmatullah. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, soalan yang pertama -

Pada Dewan Undangan Negeri Kelapan Penggal Persidangan Yang Kedua 10hb Mei, 1992 Dewan diberitahu bahawa tiga premis judi telah ditamatkan mulai 1.1.1992; yang salah satunya ialah di Bandar Jerteh; manakala pada Dewan Undangan Negeri Kelapan Penggal Persidangan Yang Ketiga 8hb Disember, 1992 Dewan diberitahu bahawa premis judi di Bandar Jerteh telah diperbaharui semula pada 22hb Julai, 1992. Soalnya apakah dua lagi premis judi yang telah ditamatkan pada 1.1.1992 itu telah turut diperbaharui juga?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (WAKIL KUALA BESUT): Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Pada Dewan Undangan Negeri Kelapan Penggal Persidangan Yang Kedua, 10 Mei 1992 Dewan diberitahu bahawa tiga buah premis TOTO telah ditamatkan mulai 1.1.1992 yang salah satunya ialah di Bandar Jerteh. Senarai penuh premis yang dibatalkan lesen premis adalah sebagaimana berikut:-

1. Encik Wee Tiang Lam, Bandar Jerteh, Besut.

15 November 1993

2. Encik Ng Kim Koon, Batu 20 Jalan Kuala Berang.
3. Encik Ho Seng Hong, Jalan Sultan Sulaiman, Kemaman.

Manakala pada Dewan Undangan Negeri Kelapan Penggal Persidangan Yang Ketiga 8 Disember 1992, Dewan diberitahu bahawa premis TOTO di Bandar Jerteh telah diperbaharui pada 22 Julai 1992. Premis yang diperbaharui ialah milik Encik Chang Jin Bui @ Chan Jiou Boi, No.188A, Jalan Tuan Hitam, Jerteh yang mana premis ini adalah tidak termasuk dalam senarai yang dibatalkan seperti yang dimaklumkan kepada Dewan Undangan Negeri Kelapan Penggal Persidangan Yang Kedua 10 Mei 1992. Sehingga kini hanya terdapat sebuah premis TOTO sahaja yang beroperasi di Pekan Jerteh. Saorang Ahli Yang Berhormat ingin mengetahui apakah dua lagi premis TOTO yang telah ditamatkan pada 1.1.1992 itu telah turut diperbaharui juga, soalannya dan jawapannya ialah bukan dua tidak diperbaharui malahan tiga buah premis TOTO telah ditamatkan mulai 1.1.1992 sebagaimana yang diberitahu kepada Dewan Undangan Negeri Kelapan Penggal Persidangan Yang Kedua 10 Mei 1992 adalah tidak pernah diperbaharui sehingga sekarang separtimana yang saya baca tadi iaitu di Besut, di Jalan Kuala Berang dan di Kemaman. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI ZAHARI BIN MUHAMMAD (WAKIL JABI): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua - Oleh kerana di Besut boleh jadi sekarang ini ada sebutir ja-lah kedai, maka apakah Kerajaan bercadang untuk mengekalkan kedai ataupun permis perjudian ini bagi membantu kaki-kaki judi yang ada di Jerteh itu sampai bila-bilalah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (WAKIL KUALA BESUT): Ini akan dikaji oleh pihak Kerajaan dari semasa kesemasa Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Saya tak berapa jelas - Sekarang ini tinggal berapa lagi di Jerteh itu selepas daripada hak yang Yang Berhormat kata tadi Kerajaan kata yang diperbaharui itu tidak termasuk dalam senarai yang sudah ditamatkan. Jadi sekarang ini kalau ikut ada sekarang berapa lagi hak ada.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (WAKIL KUALA BESUT): Yang Berhormat Jabi dah sebut tadi, satu saja ada lagi di Jerteh.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (WAKIL BATU BUROK): Penjelasan Dato' Yang di-Pertua - Jadi, satu tinggal itu baik untuk "monopoly" kah atau pun baik dari segi pengurangan judi?

15 November 1993

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (WAKIL KUALA BESUT):  
Dato' Yang di-Pertua, itu tergantunglah. Jadi yang sebenarnya kita tidak tahu sama ada baik atau pun tidak baik. Jadi ini tergantung kepada pandangan masing-masing. Dan ini akan dikaji sepertimana yang saya sebutkan tadi oleh pihak Kerajaan dan kalau perlu ditiadakan, ditiadakan dimasa yang akan datang. Terimakasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (WAKIL BATU BUROK):  
Penjelasan Dato' Yang di-Pertua - Saya rasa jawapan itu terlalu tidak bertanggungjawab. Jawatankuasa Perlesenan hendak membiarkan, hendak memberi lesen mestilah ada pengkajian, kemudian kita ada UPEN. UPEN pun ada, mestilah Kerajaan tahu, saya tanya - baik dari segi "monopoly" kah atau pun baik dari sudut untuk hendak mentiadakan kerana sekarang ini macam Bas Mini di Kuala Lumpur, dia hendak satu saja Syarikat, baik dari segi "monopoly", hah ini saya tanyanya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (WAKIL KUALA BESUT):  
Itulah saya sebut tadi, kita akan kajilah. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (WAKIL BATU BUROK):  
Bukan hak akan, hak yang dah kita buat satu tinggal itu saya tanya - Baik dari segi "monopoly" kepada Cina seorang itukah?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (WAKIL KUALA BESUT):  
AKAN KAJILAH BAIK ATAU PUN TIDAKNYA...(KETAWA)...

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (WAKIL BATU BUROK):  
Dato' Yang di-Pertua, bengkeng hari ini! ...(KETAWA)...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (WAKIL KUALA BESUT):  
Hak tula yang duduk bercakap, itu yang jawab itu sedikit itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (WAKIL BATU BUROK):  
Boleh letak-mmolek... (KETAWA)...

YANG BERHORMAT HAJI ZAHARI BIN MUHAMMAD (WAKIL JABI): Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Apakah benar kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang menyatakan bermula tahun hadapan ini, tahun 1994, premis-premis judi yang tamat tempohnya akan dibatalkan atau pun tidak diperbaharui kebenaran untuk meneruskan perniagaannya?

15 November 1993

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (WAKIL KUALA BESUT):  
Dato' Yang di-Pertua, benar. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ZAHARI BIN MUHAMMAD (WAKIL JABI): Dato' Yang di-Pertua, kalau begitu tak payah kaji dah lah, kena pakat pakai perhabis begitu - senang. Soalan nombor dua -

Budaya membuang anak (anak kecil) yang baru dilahirkan telah berlaku dengan berleluasa di negara ini sejak akhir-akhir ini; Apakah budaya ini juga berlaku di negeri ini dan kalau ada berapakah kes yang telah dapat dikesan sehingga kini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (WAKIL SEBERANG TAKIR):  
Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, di Negeri Terengganu terdapat 3 kes kejadian membuang anak yang dilaporkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu sepanjang tempoh tahun 1989 sehingga Oktober 1993 -

<u>Tahun</u>	<u>Bil.Kes</u>	<u>Tempat di Jumpai</u>
1989	1	Dalam semak Kampong Gong Pak Jen, Mengabang Telipot, Kuala Terengganu.
1992	2	i. Dalam semat/rak Kampong Pengkalan Nyireh, Besut.
	ii.	Dalam kotak sabun depan Stesyen Bas, Kampong Raja, Besut.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya rasa sepanjang 1989 hingga 1992 hanya terdapat tiga kes atau tiga kejadian. Maka saya rasa tidaklah boleh disifatkan kejadian ini sebagai budaya, Dato' Yang di-Pertua, yang dimaksudkan oleh penyoal. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALAIB BIN EMBONG (WAKIL BATU BUROK):  
Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Apakah hasil penyiasatan daripada pembuangan dan perjumpaan itu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (WAKIL SEBERANG TAKIR):  
Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya tidaklah dapat memberi keterangan

15 November 1993

yang panjang, yang "detail" berhubung dengan ini tetapi rumusannya dapat dibuat bahawa anak ini ialah anak-anak yang tidak dikehendaki.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, tidak berapa faham, anak guana? Anak yang tidak dikahwini atau tidak dikehendaki? Tak berapa faham.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (WAKIL SEBERANG TAKIR): Anak yang tidak dikehendaki.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALAIK BIN EMBONG (WAKIL BATU BUROK): Ibunya, mungkin orang lain hendak - tak?

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan - Dalam tiga kes yang disebutkan oleh pihak Kerajaan tadi bolehkah Kerajaan memberitahu Dewan ini bahawa yang berlaku di Daerah Besut itu, di Kampong Raja, orang kawasan Kampong Raja sendiri atau pun yang berlaku di Mengabang Telipot ini orang Mengabang Telipot sendiri atau pun orang lain yang pergi buang disana.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (WAKIL SEBERANG TAKIR): Kita tak tahu sebenarnya, adakah orang Manir yang buang disitu atau .. (KETAWA)... Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, nampaknya Kerajaan ini malas sungguhlah, tak tahu orang di Kad Pengenalan, dari mana tak jumpa. Siasatannya tak dapat di siasat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (WAKIL SEBERANG TAKIR): Yang kita sebut ini anak kecil, mana ada Kad Pengenalan ...(KETAWA)...

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mengatakan Kerajaan nampaknya tak dapat kesan, dari sini maka timbul satu kelemahan. Kalau Kerajaan dapat mengesan siapa pembuangnya, siapa pembantunya tentu kita dapat kesan dari Daerah mana. Kalau kena Daerah Seberang Takirkah, Manir tak masalah...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (WAKIL SEBERANG TAKIR): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, bukanlah senang untuk mengesan kejadian yang seumpama ini. Kerajaan terpaksa lah menjalankan penylasatan, kadang-kadang seperti yang saya katakan "tidak dikehendaki" jadi tidak ada orang yang mendakwa atau pun "claim" bahawa anak ini anak dia begitu

15 November 1993

begini, itu yang menjadi masalah. Kita selalu baca di dalam surat khabar atau dengar dalam Radio permintaan atau rayuan daripada pihak-pihak tertentu, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Hospital untuk mendapatkan kerjasama kalau ada orang yang tahu berhubung dengan anak-anak yang berkenaan. Itulah menunjukkan betapa susahnya masalah yang kita hadapi dalam mengesani ini Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI ZAHARI BIN MUHAMMAD (WAKIL JABI): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, selesailah masa soalan. Sebelum saya bawa Yang Berhormat kepada perkara lain saya suka tangguhkan Dewan ini selama  $\frac{1}{2}$  jam.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.20 PAGI

15 November 1993

PUKUL 10.50 PAGI.

USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

Tambahan Peruntukan Yang Ketiga daripada  
Kumpulanwang Pembangunan untuk Perbelanjaan  
Rancangan Kemajuan Negeri bagi tahun 1993.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (WAKIL LADANG): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan -

"Bahawa menurut seksyen kecil (3) kepada seksyen 4 Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966 Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan tambahan peruntukan yang ketiga daripada Kumpulanwang Pembangunan untuk Perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negeri bagi tahun 1993 bagaimana ditentukan dalam JADUAL di bawah ini.

JADUAL

<u>MAKSUD</u>	<u>TAJUK</u>	<u>TAMBAHAN</u>
P.02	Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	RM1,500,000
	JUMLAH:	RM1,500,000 "

Sekian saya kemukakan Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI DAUD BIN ABU BAKAR (WAKIL HULU BESUT): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua Dewan, saya mohon menyokong USUL ini.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, USUL ini telah mendapat sokongan, sekarang saya buka untuk perbahasan -

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua dan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengambil kesempatan untuk memberi sedikit komentar saya terhadap permohonan belanjawan tambahan untuk pembangunan 1993 sebanyak RM1.5 juta untuk tujuan dan maksud Rancangan Bandar dan Desa.

15 November 1993

Saya ingin menarik perhatian pihak Kerajaan bahawa perancangan Bandar dan Desa ini kita dapati bahawa walaupun mungkin Kerajaan telah banyak membuat beberapa perancangan dan pelaksanaan tetapi sekarang ini masih jelas kepesatannya keberkesanannya dan kemenafaatannya yang agak belum boleh di nikmati oleh ramai daripada rakyat di dalam negeri Terengganu ini sama ada yang terdiri daripada penduduk-penduduk yang dianggap sebagai kawasan bandar atau pun kawasan-kawasan luar bandar. Perkara ini sangat ketara dan jelas bila kita berjalan dan mengunjungi kampung-kampung yang tertentu, kawasan-kawasan kediaman yang tertentu pada musim ini iaitu musim hujan, musim tengkujuh ini banyak sekali kawasan-kawasan kediaman yang ditenggelami air, belum lagi datang banjir tetapi dengan air hujan sahaja sudah banyak rumah-rumah yang telah ditenggelami air yang pada pandangan ringkas saya ialah bahawa sistem perparitan untuk mengalihkan, untuk mengalirkan air supaya tidak bertakong dalam kawasan-kawasan tersebut adalah amat lembab dan ada setengah-setengahnya belum ada dan kalau ada pun tidak mencukupi. Saya tidak tahu dimana sebabnya, mungkin Kerajaan tidak mempunyai peruntukan yang cukup maka kalau Kerajaan tidak mempunyai peruntukan yang cukup sepatutnya peruntukan tambahan untuk melaksanakan program yang seperti ini yang seharusnya dinikmati oleh semua orang seharusnya disegerakan dan perlu diutamakan tetapi kalau kita lihat kepada peruntukan yang diminta itu untuk menyelesaikan permasalah yang dihadapi oleh penduduk sama ada di luar atau di dalam bandar pada hari ini lebih-lebih lagi menghadapi musim ini saya ingat adalah terlalu terhad dan Kerajaan seharusnya mengambil tindakan yang lebih baik lagi pada masa akan datang demi kepentingan rakyat dalam Negeri Terengganu ini lebih-lebih lagi jika kita fikirkan tentang kemasukan, pendapatan negeri yang rakyat tahu bahawa kita sebuah Negeri dalam Malaysia ini yang mempunyai pendapatan yang lumayan hasil daripada royalti minyak, petroliam dan gas yang kita dapati. Jadi saya ingin menarik perhatian ini kepada saudara saya Wakil Ladang, wakil pihak Kerajaan yang mengemukakan ini supaya tindakan-tindakan yang lebih berkesan dan tindakan-tindakan yang segera dapat diambil untuk mengatasi masalah yang memang dihadapi sekarang ini lebih-lebih lagi musim tengkujuh ini. Sekian.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Ada lagi ahli yang hendak bercakap, kalau tidak ada saya minta pihak Kerajaan menjawab.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (WAKIL LADANG): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada sahabat saya Wakil Manir diatas pandangan yang diberi tadilah. Dia begitu peka dengan rakyat terutama yang tinggal dalam bandar dan pinggir-pinggir bandar dan masalah-masalah air naik. Ini air naik ini Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, tak ada orang yang suka tetapi ini dah bila sampai musim begitulah keadaannya. Tetapi Kerajaan telah mengambil tindakan-tindakan

15 November 1993

yang wajar. Peruntukan yang besar telah diberi untuk membuat sistem perparitan terutama di Bandar Kuala Terengganu, di Bandar Dungun dan lain-lain Bandar lagi, di Kemaman. Di Kuala Terengganu sahaja Kerajaan telah membelanjakan daripada pakej A; Pakej B; lebih daripada RM20 juta setakat ini dan Kerajaan telah menambahkan untuk tahun 1994 ini RM7.4 juta. Jadi Kerajaan memang sedar atas perkara-perkara ini. Saya terima kasihlah atas prihatinnya Wakil Manir kepada keadaan-keadaan penduduk kita tetapi soal air bah ini tak boleh hendak di kata, ini kehendak Tuhan Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, rata-rata cerok pun musim ini tempat-tempat yang kita tak sangka air naik, air naik. Jadi itulah, itu kehendak Tuhan. Manusia hanya boleh membuat satu-satu mengikut keupayaannya dan saya ucap terima kasih sekali lagilah kepada Wakil Manir...

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR): Penjelasan, Dato' Yang di-Pertua - Yang kehendak Tuhan itu memang air hujan, kita tidak boleh hendak sekat, saya pun tak minta sahabat saya Wakil Ladang ini membuat persiapan untuk menyekat air hujan turun tetapi saya kata hujan turun sedikit tetapi oleh perancangan bandar kita barangkali kurang rapi atau pun tidak ada peruntukan - saya buat contohlah, dekat dengan Bandar, Kawasan Yang Berhormat Ladang, Kampung Durian Burong, Kampung saya belum ada air lagi tapi Durian Burong rumah orang sudah macam duduk dalam sungai dah. Ini tidak ada sistem perparitan yang betul. Jadi perkara ini bukan satu perkara baru, saya ingin menarik perhatian itu sebagai contoh saya, saya tak mahu sebut kampung-kampung yang lain lagilah. Saya pun memanglah saya percaya Kerajaan ini banyak buat perancangan tetapi saya rasa perancangan yang perlu disegerakan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi selalu oleh rakyat dan sepatutnya penumpuan diberi kepada situ dan saya ucap terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (WAKIL LADANG): ... Terima kasihlah Yang Berhormat Wakil Manir. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, itulah yang saya sebutkan tadi. Dia ada dia punya peringkat-peringkat yang hendak dibuat ini, yang patut disegera, disegerakan. Macam di jalan Sultan Omar ini, barangkali Yang Berhormat pun tahu sendiri, dulu pernah di suarakan dalam Dewan ini oleh Wakil Batu Burok dan lain-lain wakil pasal keadaan di situ yang tidak selesa hari ini Alhamdulillah dah molek. Ini tempat-tempat lain, Durian Burong dan lain-lain memang ada dalam tindakan Kerajaan, yang sebenarnya, ini kerana pembangunan itu pesat, dia laju sangat, masing-masing pergi tambun tanah dia kadang-kadang belum mendapat kelulusan daripada pihak yang terwajiblah daripada Kerajaan, masing-masing pergi tambun ini yang buatnya air kadang-kadang dia marah ja, tempat dia bertakung pergi tambun, belum dapat kelulusan daripada Kerajaan. Daripada pihak yang menjaga ini semua. Kita harap Wakil Manir tolong beri kerjasama khabar orang-orang dia, tolong tengok, kalau hendak buat hendak tambun

15 November 1993

tanah begitu begini biar dapat kebenaran, biar cara molek ikut dia punya peraturan. Sekian, terima kasih.

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujukan dengan suara terbanyak.

USULINI DITERIMA.

15 November 1993

RANG UNDANG-UNDANG

Enakmen Perbekalan Tambahan (1993)  
(No.2) 1993.

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (WAKIL TELEMONG): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1993 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ALI (WAKIL KEMASEK): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan ini.

RANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (1993) (NO.2) 1993 DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (WAKIL TELEMONG): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen Perbekalan Tambahan (1993)(No.2) 1993 dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-Undang ini bertujuan mengadakan peruntukan bagi kuasa berkanun untuk membuat pembayaran tambahan tertentu untuk perkhidmatan awam negeri dalam tahun 1993 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Enakmen Perbekalan (1993) 1992.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ALI (WAKIL KEMASEK): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan ini.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua, sekarang saya buka untuk perbahasan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (WAKIL BATU BUROK): Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Ketua Kerajaan, ahli-ahli Yang

15 November 1993

Berhormat dan Pegawai-pegawai Kerajaan sekalian. Pertamanya saya mengucapkan ribuan terima kasih diatas peluang yang diberi dan sepertimana di dalam permohonan-permohonan belanjawan tambahan samada pertengahan penggal, separoh penggal, saya berdiri sekali lagi pada pagi yang berbahagia ini untuk membuat beberapa tegoran dan peringatan diatas konsep permohonan tambahan sesuatu kepada kepala itu dibuat yang secara umumnya kita lihat Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua permohonan-permohonan ini hampir-hampir sama disetiap penggal persidangan Dewan sama ada bulan September yang lepas atau pun sekarang dan oleh itu saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya di dalam menyiapkan Belanjawan Negeri hendaklah perkara-perkara yang secara terperinci dibuat penentuan terlebih dahulu dan didapatkan maklumat-maklumat yang lengkap dan rapi daripada jabatan-jabatan yang berkenaan. Saya ingin mengambil contoh iaitulah pada B.17 - Pejabat Daerah Marang, peruntukan yang dipohon hanyalah kecil sahaja, RM13,500 tetapi sebab yang menjadikan perlunya peruntukan ini dipohon adalah suatu perkara yang diragukan diatas kebijaksanaan menyediakan budget. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, dengan izin, "Tambahan peruntukan diperlukan untuk membayar elauan lebih masa kakitangan sehingga akhir tahun. Peruntukan sedia ada telah terjejas dengan adanya pembayaran tunggakan elauan lebih masa kepada Jaga yang diluluskan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1/1980". Ini adalah suatu peruntukan yang dipohon diatas ketidak cermatan di dalam mengemukakan peruntukan-peruntukan yang diperlukan oleh Jabatan. Pekeliling ini telah pun diedarkan 1980, kelulusan untuk membayar elauan lebih masa kepada Jaga-jaga, sekarang ini 1993, 13 tahun yang telah berlalu, kenapa sekarang ini baru timbul? Dan kalauolah dimintakan peruntukan, peruntukan ini tidak sepatutnya menjasaskan peruntukan elauan lebih masa yang sedia ada kerana ini adalah tunggakan berikutan kepada kelulusan yang diberi mengikut kuasa-kuasa khusus. Oleh itu adalah tidak berkelayakan untuk diperkatakan terjejasnya, kurangnya peruntukan yang di buat, yang di rencanakan itu kerana pembayaran kepada tunggakan. Tunggakan hendaklah dilihat dari sudut pentadbirannya suatu butiran peruntukan yang terasing dan tersendiri oleh itu ianya tidaklah sepatutnya dan selayaknya mengambil tempat dan mengurangkan atau pun menjasaskan peruntukan yang telah pun dibudgetkan di dalam Belanjawan.

Yang kedua, Yang Berhormat Mulia, saya ingin menegur kepada butiran yang saya merasakan tidak sepatutnya di buat begini iaitulah pada B.29 - Jabatan Perhutanan Negeri, dan dengan izin, sekali lagi Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua - "Tambahan peruntukan dikehendaki kerana bertambahnya kakitangan bahagian pentadbiran dan untuk membayar gaji menurut Sistem Saraan Baru (SSB)". Sepertimana yang kita sedia maklum, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, sesuatu establishment, sesuatu perjawatan yang hendak diadakan atau pun dilaksanakan itu ianya melalui beberapa proses pentadbiran, kelulusan Unit Perancang dan kelulusan Perbendaharaan dan

15 November 1993

sebagainya dan tidaklah menasabah untuk diadakan peruntukan tambahan ini bagi mencukupi pertambahan kepada pengambilan Pegawai-pegawai baru kerana Establishment atau pun Perkhidmatan itu telah pun diluluskan dan memakan masa untuk melulusnya sebelum daripada Budget 1992, 1993 diluluskan. Oleh itu adalah suatu perkara yang kelihatan ganjil dari sudut pentadbirannya, kepekaan Kerajaan dan kesempurnaan Pentadbiran yang perlu dilihat daripada sudut itu. Mengapa diperlukan pertambahan kepada Pegawai yang tidak ada peruntukannya, paling kurang di dalam menyediakan Budget kita ada peruntukan "token" apatah lagi jika sekiranya establishment itu telahpun diluluskan maka tidak ada sebab untuk diminta pertambahan peruntukan bagi membayar gaji kerana kelulusan Pegawai-pegawai itu dalam perkhidmatan mungkin ditangguhkan tetapi peruntukan baginya ialah dan telah pun diluluskan terlebih dahulu di dalam kaedah menyediakan Belanjawan Negeri. Oleh itu Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua itulah pandangan-pandangan saya supaya kita tidak membuat masa Pegawai-pegawai terlalu banyak untuk menyediakan perkara-perkara yang sepatutnya dapat diselesaikan dalam exercise atau pun dalam kerja-kerja menyediakan peruntukan Belanjawan Tahunan. Assalamualaikum Warahmatullahitaala Wabarakatuh.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya ingin mengambil sedikit masa untuk menambah ucapan yang disampaikan oleh saudara saya Wakil daripada Batu Burok. Pada peringkat awalnya saya sudah tidak berminat untuk bercakap kerana kebanyakannya daripada butiran-butiran yang diberi adalah untuk menambah untuk hendak membayar gaji, eluan kerja lebihan dan sebagainya. Memanglah setiap yang bekerja sepatutnya mendapat upah, gaji, tetapi bila saya sampai kepada B.32 daripada peruntukan tambahan yang diminta RM1060 itu, tapi dapati pada B.32 itu RM500 ribu, maknanya separuhlah, kalau separuh pun rasanya tidak banyak, yang semua kita tahu lah B.32 ini Pelbagai Perkhidmatan yang saya rasa sedikit sebanyak semacam ada hubung kait dengan peristiwa pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Kampung Raja yang berlangsung pada beberapa ketika yang lalu. Sebabnya semasa pagi tadi di dalam Majlis atau dalam sesi Soal Jawab saudara saya Wakil daripada Telemong yang juga yang membentang Rang Enakmen ini menyatakan bahawa ada Pegawai-pegawai yang dibayar imbuhan dan gajinya oleh pihak Kerajaan yang datang berkutbah atau memberi syaran-syaran ugama dalam masa kempen pilihanraya itu yang dibayar oleh Kerajaan. Saya tidak tahu, mungkin daripada RM500 ribu ini diantaranya dibayar kepada Pegawai-pegawai yang serupa itu dan mungkin lagi banyak Pegawai-pegawai lain sebab mungkin bukan sahaja daripada Jabatan Hal Ehwal Agama, mungkin daripada UPU, Unit Perpaduan Ummah, mungkin juga belanja dalam bahagian ini yang merupakan jentera penting bagi Barisan Nasional menghadapi mana-mana Pilihanraya dan saya diberitahu oleh seorang sahabat saya kehebatan dalam masa pilihanraya

15 November 1993

itu kehebatan perbelanjaannya salah seorang daripada orang yang berkenaan-lah, pada waktu malam hari bawa Trooper dia membahagikan kain batik pakai campak saja, campak atas lambur ja. Tup, tup - tiga campak. Hebat betul, jadi saya bimbang Pelbagai Perkhidmatan ini RM500 ribu ini dibelanja jugak untuk peruntukan atau keperluan yang serupa itu. Jadi kalau ini berlaku maka amat malang bagi negeri kita ini, memanglah bagaimana pun Negeri Terengganu negeri dibawah Kerajaan Persekutuan, di bawah Federal dan Parti yang memerintah Negeri ini pun parti yang serupa jugak yang memerintah Pusat yang sekarang ini dilanda oleh krisis iaitu krisis politik wang yang begitu besar. Jadi barangkali pengaruh-pengaruh ini menyebabkan perbelanjaan peruntukan tambahan yang diperlukan untuk Pelbagai Perkhidmatan ini begitu tinggi. Bagaimana saya katakan saya tidak pertikaikan kalau hendak membayar gaji pegawai atas khidmat-khidmatnya yang dilakukan tetapi jika disalah gunakan, jika di salah gunakan itu mendukacitakan. Dan saya harap tidak disalah gunalah, itu dia, itu saya cakap tadi dengar orang cakaplah, dengar orang cakap ada campak kain batek atas lambur. Campak kain pelikat atas lambur ini hak yang saya dengar dan saya tengok, ada baki-baki pun yang boleh, ada di campak-campak itu ada, kawan-kawan ambil kesempatan, tuan rumah tidak nampak orang lain ambil. Jadi kalau masuk duit ini - berat. Tuan Pengurus, minta maaf, Wakil Kampung Raja, itu bukan kerja Calon tetapi kerja orang lainlah, pembantu-pembantu mereka. Sekian.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ada lagi siapa hendak bercakap? Kalau tidak ada saya minta pihak Kerajaan menjawab.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (WAKIL TELEMONG): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk memberi sedikit penjelasan dalam perkara yang telah dibangkit oleh dua Yang Berhormat iaitu daripada Batu Burok dan jugak daripada Manir.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Batu Burok telah menyarankan supaya pihak Kerajaan atau pun mengesyorkan kepada pihak Kerajaan supaya teliti dan terperinci dalam mengemukakan belanjawan tahunan supaya tidak menyebabkan tambahan peruntukan yang besar dalam masa tahun yang berkenaan. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pihak Kerajaan dari semasa kesmasa memanglah telah memberi perhatian, tumpuan serta perhatian yang terperinci dan teliti dalam merangka perbelanjaan tetapi sebagaimana yang kita sedia maklum kita manusia hanyalah mampu merancang tetapi bila kita melaksanakan itu barangkali terdapat perkara-perkara yang diluar daripada jangkaan kita, keluar daripada kekuasaan kita yang menyebabkan terpaksa kita memohon peruntukan tambahan bagi belanjawan tahun berikut.

Menyentoh mengenai peruntukan tambahan yang diperlukan oleh Pejabat Daerah Marang B.17 yang dibangkit oleh Yang Berhormat daripada Batu Burok, tambahan ini perlu dibuat oleh kerana walaupun Pekelilingan Perkhidmatan

15 November 1993

ini tahun 1980 tetapi pihak Kerajaan Negeri telah menerima pakai Pekek-lilingan ini pada tahun 1993 dan dibuat penyelarasan dari segi pembayaran tunggakan lebih masa kepada Jaga ini dibuat pada tahun ini maka dengan sebab itu melibatkan perbelanjaan tambahan yang diperlukan sebagaimana yang telah dipohon. Dan menyentuh mengenai perkara B.29 - Jabatan Hutan yang disebutkan oleh Yang Berhormat juga daripada Batu Burok sukalah saya maklumkan disini bahawa tambahan yang dipohon yang diperlukan sebanyak RM220 ribu ini ialah untuk pembayaran pergerakan gaji dibawah sistem SSB dan juga tunggakan gaji bagi pekerja-pekerja Hutan yang mendapat kenaikan pangkat oleh kerana baru-baru ini pada tahun 1993 pihak Kerajaan Negeri telah mengisi sebahagian besar daripada kekosongan dalam Jabatan Hutan iaitu seperti Pengawas Hutan dan juga Jawatan Ranger Hutan. Maka dengan sebab itulah untuk menyelaraskan dari segi pembayaran gaji ini menyebabkan tambahan yang begitu banyak diperlukan oleh pihak Jabatan yang berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, menyentuh mengenai perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat daripada Manir iaitu Kepala B.32 iaitu pemberian dalam Negeri iaitu Bantuan Am. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, tidaklah benar apa yang didakwa oleh Yang Berhormat daripada Manir mengatakan bahawa kemungkinan elaun-elaun yang dibayar kepada pegawai-pegawai yang diarahkan bertugas semasa Pilihanraya Kecil dibayar dibawah peruntukan ini. Yang sebenarnya imbohan mereka atau pun elaun perjalanan mereka dibayar dibawah peruntukan atau pun dibawah Kepala yang lain. Apa yang dipohon dibawah bantuan ini yang sejumlah RMS00 ribu ini adalah merupakan bantuan Am yang diteri kepada kes-kes yang diluar dugaan kita yang berlaku dalam tahun 1993 iaitu di akhir-akhir ini seperti mala petaka, kemalangan dan bantuan kepada orang-orang susah, miskin dan sebagainya. Jadi kes yang seumpama ini tidak dirancang datang kepada kita, jika datang terpaksa kita membuat pembayaran.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua itulah sedikit penjelasan saya dan apa yang disebut lagi oleh Yang Berhormat daripada Manir yang mengatakan bahawa kemungkinan duit yang digunakan untuk membeli kain batek ditabur semasa pilihanraya kecil Kampung Raja saya kira ini satu tuduhan, kenyataan yang tidak tepat, dia pun dengar orang bercakap jugak, jadi kalau dengar-dengar orang bercakap ditepi jalan tak usahlah bawa dalam Dewan ini, kalau ada bukti yang cukup kemuka kepada pihak yang berkenaan untuk membolehkan kita mengambil tindakan.

Saya kira Pilihanraya Kecil di Kampung Raja ini lebih dahulu daripada berlakunya pemilihan Pucuk Pimpinan Parti UMNO di peringkat Pusat, masa itu tidak ada kait. Saya kira tidak ada pengaruh politik wang ini, apa yang

15 November 1993

disebutkan ini menjalar ke Pilihanraya Kecil di Kampung Raja itu. Jadi, itulah sahaja Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujukan dengan suara terbanyak.

RANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (1993)(NO.2) 1993 DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (1993)(NO.2) 1993 TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU SEKSYEN KE SATU SEKSYEN DAN TELAH DIPERSETUJUKAN TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD SIDI BIN HAJI ISMAIL (WAKIL TELEMONG): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya memaklumkan Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujukan dengan tiada pindaan, saya memohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI ABU BAKAR BIN ALI (WAKIL KEMASEK): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan ini.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujukan dengan suara terbanyak.

RANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (1993)(NO.2) 1993 DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan ia menjadi Enakmen Bilangan 2 Tahun 1993.

15 November 1993

**Enakmen Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan  
Terengganu (Pindaan) 1993**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN ALI (WAKIL MERCANG): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG ENAKMEN UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU  
(PINDAAN) 1993 DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

**Bacaan Kali Yang Kedua**

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen Undang-Undang bagi diri Kerajaan Terengganu (Pindaan) 1993 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda beberapa peruntukan dalam Bab Pertama Undang-Undang Bagi diri Kerajaan Terengganu selepas dari ini disebut Perlembagaan Negeri. Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini adalah perlu supaya peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan Negeri selaras dengan Perlembagaan Persekutuan yang telah dipinda baru-baru ini.

SEKSYEN 1 Rang Undang-Undang memperuntukkan Tajuk Ringkas.

SEKSYEN 2 Rang Undang-Undang meminda Fasal 12 Bab Yang Pertama Perlembagaan Negeri dengan memasukkan Syarat 1A yang baru. Dibawah peruntukan ini jika pada menjalankan apa-apa kewajipan menurut Perlembagaan Negeri atau mana-mana Undang-Undang atau sebagai seorang ahli Majlis Raja-Raja Duli Yang Maha Mulia dikehendaki bertindak mengikut nasihat atau atas nasihat atau selepas mengambil kira nasihat mana-mana orang atau kumpulan orang maka baginda hendaklah menerima dan bertindak mengikut nasihat itu. Pindaan ini adalah perlu bagi mempermudahkan lagi peruntukan Fasal 12 dan memperjelas lagi fungsi-fungsi eksekutif baginda.

15 November 1993

Menurut Fasal 13 Bab Yang Pertama Perlembagaan Negeri, perlantikan Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan atas syor yang dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan. Dengan pindaan yang dicadangkan di bawah Seksyen 3 Rang Undang-Undang ini perlantikan Pegawai-pejawai ini akan dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan.

Peruntukan-peruntukan di bawah Fasal XXVa Bab Yang Pertama Perlembagaan Negeri yang menyentuh mengenai kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan memberi keampunan, "reprieve" penangguhan hukum dan "respite" peringanan hukuman berkenaan sesuatu kesalahan dicadangkan untuk dipinda oleh Rang Undang-Undang ini.

Menurut Fasal XXVa syarat 1 kuasa ini dijalankan oleh Duli Yang Maha Mulia, walau bagaimanapun dengan pindaan yang dicadangkan ini kuasa yang boleh dijalankan oleh Baginda itu akan dijalankan oleh Majlis Raja-Raja sekiranya ia melibatkan diri baginda dan pindaan ini dibuat melalui seksyen 4 Rang Undang-Undang ini dengan memasukkan syarat 3A yang baru kepada Fasal 25A. Sekiranya kuasa yang hendak dijalankan ini adalah melibatkan Putera atau Puteri baginda maka ia hendaklah dijalankan oleh seorang Raja sesebuah negeri yang dinamakan oleh Majlis Raja-Raja. Walau bagaimana pun Raja tersebut hendaklah bertindak menurut nasihat Lembaga Pengampunan. Peruntukan ini terdapat dalam Seksyen 4 Rang Undang-Undang ini yang memasukkan syarat 3B yang baru kepada Fasal XXVa. Ini bermakna dengan pindaan ini kuasa memberi pengampunan "reprieve" dan "respite" berkenaan sesuatu kesalahan diberi kepada dan dijalankan oleh Baginda kecuali jika kuasa yang hendak dijalankan itu melibatkan Baginda, Consort, Putera atau Puteri Baginda.

SEKSYEN 5 Rang Undang-Undang bertujuan meminda Fasal XXVIIa Bab Yang Pertama Perlembagaan Negeri dengan memasukkan syarat-syarat 3A dan 3B yang baru. Syarat 3A melarang Yang di-Pertua Dewan dari menjadi anggota mana-mana Lembaga, Pengarah atau Lembaga Pengurusan, menjadi Pegawai atau Pekerja atau melibatkan diri dalam hal ehwal mana-mana organisasi, penguasaan, commercial, perindusterian atau pengusahaan lain sama ada atau tidak beliau menerima apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah dirinya. Sekiranya beliau ada memegang jawatan atau terlibat sebagaimana disebut sebelum ini dalam masa tiga bulan selepas beliau dipilih menjadi Yang di-Pertua Dewan maka beliau adalah hilang kelayakannya untuk memegang Jawatan Yang di-Pertua Dewan. Walau bagaimanapun jawatan Yang di-Pertua Dewan tidak terjejas sekiranya organisasi atau Badan di mana Yang di-Pertua Dewan ada memegang jawatan hanya terlibat dalam kegiatan kerja kebijakan atau sukarela. Sekiranya berbangkit apa-apa soal mengenai kehilangan

15 November 1993

kelayakan Yang di-Pertua Dewan soal ini hendaklah diputuskan oleh Dewan Undangan Negeri dan keputusannya itu adalah muktamad.

SEKSYEN 6 Rang Undang-Undang ini mengadakan satu proviso yang baru kepada Fasal 44 Syarat 5 Bab Yang Pertama Perlembagaan Negeri. Dalam peruntukan sekarang jika didapati sesuatu kekosongan biasa pada suatu tarikh enam bulan dari tarikh Dewan Undangan Negeri terbubar kekosongan itu tidak boleh diisi tetapi peruntukan ini ternyata tidak menyebut mengenai apakah kedudukannya dari segi Undang-Undang sekiranya kekosongan itu menjelaskan kekuatan dari segi bilangan parti yang membentuk majoriti semua Ahli Dewan Undangan. Peruntukan baru ini antara lain bertujuan mengatasi situasi ini. Dengan pindaan ini sesuatu kekosongan itu tidak boleh diisi sekiranya ia terjadi pada suatu tarikh dalam masa dua tahun dari tarikh Dewan Undangan hendaklah menjadi bubar. Walau bagaimanapun sekiranya Yang di-Pertua Dewan memberitahu Suruhanjaya Pilihanraya bahawa kekuatan dari segi bilangan parti yang membentuk majoriti semua Ahli Dewan Undangan Negeri terjejas oleh kekosongan itu maka kekosongan itu hendaklah diisi dalam masa 60 hari dari tarikh pemberitahu itu diterima.

Tuan Yang di-rtua, saya mencadangkan.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN ALI (WAKIL MERCANG): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua, sekarang saya buka untuk perbahasan -

YANG AMAT MULIA TENGKU SRI PADUKA RAJA

YANG BERHORMAT TENGKU IBRAHIM IBIN AL-MARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH (WAKIL TANGGOL): Yang Berhormat Mulia Yang di-Pertua, terima kasih kerana saya telah diberi kesempatan untuk berucap dan bersama-sama memberi pandangan dan pendapat berhubung dengan pindaan Undang-Undang yang dicadangkan oleh Kerajaan di bawah Fasal 12, Fasal 13 dan Fasal 25A di dalam Bab Pertama Perlembagaan Negeri Terengganu. Apa yang ingin saya bincangkan di sini ialah berhubung dengan Fasal 12 yang ada hubung kait dengan Kuasa Raja, Fasal 13 yang ada kaitan dengan Perlantikan Setiausaha Kerajaan, Pegawai Kewangan Negeri dan Penasihat Undang-Undang. Kepada saya Undang-undang yang ada di bawah Perlembagaan Negeri Terengganu itu sudah mencukupi dan kemas yang harus dipakai tanpa apa-apa pindaan lagi. Yang Berhormat Mulia Yang di-Pertua, apakah rasionalnya pindaan ini hendak dibuat, tentu sahaja jawapan yang akan diberi ialah untuk melicinkan lagi jentera Pentadbiran Kerajaan. Agaknya untuk mempastikan tidak ada gangguan atau halangan yang timbul atau ditimbulkan di atas tindak tanduk Kerajaan yang

15 November 1993

hendak melantik Setiausaha Kerajaan dan Pegawai Kewangan Negeri atau pun pindaan ini dilakukan untuk menunjukkan kepada Kuala Lumpur kononnya gendang yang dipaluh oleh segelintir manusia di Parlimen itu telah disambut pula dengan sorak sorai di peringkat Negeri. Bagi saya ini amat membahayakan keadaan, bahaya oleh kerana jika pindaan ini diluluskan juga maka tiada pihak yang boleh menegur Kerajaan di dalam perlantikan kedua-dua Pegawai Kanan yang tersebut itu. Saya tidak ingin hendak sebut berkenaan dengan perlantikan Penasihat Undang-Undang oleh kerana perlantikan ini adalah perlantikan Kerajaan Pusat. Atau di dalam pemilihan Pegawai Kerajaan yang akan menerajui jawatan Setiausaha Kerajaan dan Pegawai Kewangan Negeri ianya akan dilakukan bukan lagi atas dasar kebolehan Pegawai itu tetapi ianya akan dibuat atas dasar kehendak politik. Jika ini berlaku ianya adalah satu kezaliman dan ketidakadilan serta bencana yang buruk yang akan menimpa dan dirasai oleh Pegawai-pejawai Kanan Tadbir Negeri ini. Ianya juga akan menggalak timbulnya Pegawai-pejawai Tinggi yang akan melakukan apa sahaja dengan cara terang atau sulit yang bertentangan dengan Kod Etika Kerja mereka semata-mata kerana hendak kejar kedudukan dan pangkat dalam Jawatan. Dan selalunya apabila timbul kenaikan pangkat atau pertukaran jawatan yang dilakukan setiap tahun di semua peringkat pentadbiran Kerajaan khususnya Pegawai Tadbir Negeri maka ianya akan dilakukan atas dasar sokongan dan kecenderungan seseorang itu terhadap parti politik yang memerintah. Saya juga dapat faham bahawa ada pegawai-pejawai tinggi dan rendah yang sudah menjangkau umur 55 tahun dan harus bersara, dilanjutkan pula kerja mereka. Ini adalah amalan tidak sihat. Dengan berlakunya amalan tidak sihat ini ianya akan melambatkan proses kenaikan pangkat pegawai-pejawai yang di bawahnya. Saya harap amalan ini hendaklah dihentikan dengan serta merta. Trend tidak sihat ini telah pun berlaku di hadapan kita. Kenyataan Setiausaha Kerajaan yang baru sahaja memegang jawatan telah pun kita lihat dan baca melalui Berita Harian keluaran 31 Julai tahun 1993. Beliau berkata, dengan izin saya baca -

"Tuduhan pihak tertentu sama ada daripada Parti Pembangkang atau golongan tertentu dalam Parti Pemerintah sendiri kononnya Terengganu lembab membangun adalah tidak benar. Golongan ini sebenarnya tidak faham apa yang cuba dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri."

Dengan kenyataan ini bermakna ahli-ahli Yang Berhormat daripada Parti Pembangkang dan juga daripada Parti Kerajaan yang menyokong Kerajaan juga dipertikaikan apabila kita membuat teguran yang membina. Tambah beliau lagi, dengan izin saya baca -

"... hasilnya Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad menjadi kecaman..."

15 November 1993

Ah, tengok. Saya ingin menasihatkan Setiausaha Kerajaan supaya menjauhkan diri dari membuat komen seperti orang politik oleh kerana beliau bukan orang politik. Serahkanlah soal politik itu kepada orang politik dan kalau ingin hendak campur juga ...

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua - Peraturan 46(xix)- tidak boleh kita sentuh orang yang tidak boleh jawab kepada kita.

YANG AMAT MULIA TENKU SRI PADUKA RAJA

YANG BERHORMAT TENKU IBRAHIM IBNI AL-MARTHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH (WAKIL TANGGOL): ... Kenyataan yang dibuat oleh ...

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Tuan Yang di-Pertua, saya sebut - orang yang tidak boleh jawab, kita jangan sebut Pegawai. Peraturan ada tetap dah di sini - sentuh Ahli-ahli Politik seperti saya, siapa yang boleh jawab.

YANG AMAT MULIA TENKU SRI PADUKA RAJA

YANG BERHORMAT TENKU IBRAHIM IBNI AL-MARTHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH (WAKIL TANGGOL):.... Yang Berhormat Mulia Yang di-Pertua, saya tidak sebut nama, saya sebut Setiausaha Kerajaan...

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Ya-lah...

YANG AMAT MULIA TENKU SRI PADUKA RAJA

YANG BERHORMAT TENKU IBRAHIM IBNI AL-MARTHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH (WAKIL TANGGOL):.... Hah, tengoklah itu. Apabila kita memperkatakan sesuatu untuk kebaikan, tak boleh di Dewan ini. Biarkanlah saya berucap, tak lama boleh jawab sikit lagi. Kenyataan yang dibuat oleh Dato' Setiausaha Kerajaan itu jelas menunjukkan beliau tidak faham tentang keadaan beliau sebagai Pegawai Kanan Negeri ini - tamat....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Dalam ini dia sebut - "Dalam mana-mana perbahasan, sebutan tidak boleh dibuat tentang kelakuan atau sifat mana-mana Ahli atau Pegawai Awam, selain daripada kelakuan dalam kedudukan sebagai ahli atau Pegawai Awam, mengikut mana yang berkenaan". Ini Peraturan Tuan Yang di-Pertua. Sebutlah sudut dasar Kerajaan.

YANG AMAT MULIA TENKU SRI PADUKA RAJA

YANG BERHORMAT TENKU IBRAHIM IBNI AL-MARTHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH (WAKIL TANGGOL):.... Yang Berhormat Mulia Yang di-Pertua, ini teguran atas Jawatan. Tidak usah takut, ini adalah teguran yang membina. Kalau dia

15 November 1993

boleh menuduh Parti Pembangkang, dia boleh menuduh Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di Dewan ini sebagai tidak faham, saya mestilah menerangkan di dalam Dewan yang mulia ini keadaan yang sebenar, dia bukan tuduh kepada Parti Pembangkang sahaja. Yang Berhormat yang menyokong Kerajaan juga telah mempertikaikan. Cukup, Yang Berhormat Mulia Yang di-Pertua, saya tidak ingin hendak berucap lagi berkenaan dengan peranan yang dimain oleh Setiausaha Kerajaan. Saya tidak mahulah seperti macam orang kata "I scratch your back, you scratch your back" dengan izin Dato' Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Mulia Yang di-Pertua, saya tentang pindaan ini oleh kerana saya percaya kepada konsep "check and balance". Di dalam Pentadbiran Kerajaan di mana Negara kita menerima konsep demokrasi sudah lebih 37 tahun lamanya, kata peribahasa Inggeris, dengan izin - "absolute power corrupts absolutely" ini sangat bahaya kepada Negeri kita yang kita cintai ini. Yang Berhormat Mulia Yang di-Pertua, cerdik pandai sebelum kita telah menggubal Undang-Undang Negara dan Negeri dengan penuh berhati-hati tentang tanggungjawabnya. Mereka yang arif dalam bidang Undang-Undang mempunyai visi yang begitu tinggi nilainya untuk menjaga hak dan bidang kuasa pihak-pihak yang terlibat di dalam pentadbiran negara dan negeri. Sehingga kini selepas kita merdeka lebih daripada 37 tahun ianya masih utuh dan teguh dipakai. Apakah perlu benar Perlembagaan Negeri ini dipinda. Bila mana peristiwa perlantikan ini tidak pernah menjadi masalah dan tidak pernah dipertikaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan semenjak kita merdeka dahulu. Raja mempunyai kuasa baginda sendiri khususnya dalam bidang Agama dan Adat Melayu. Kerajaan juga ada bidang kuasa yang tersendiri dan Dewan Undangan Negeri yang mulia ini juga ada kuasa memainkan peranan penting di dalam membentuk corak pentadbiran Negeri ini. Tidak ketinggalan juga dan tidak kurang pentingnya pihak Kehakiman juga memainkan peranan utama untuk memberi perlindungan dan keadilan kepada semua lapisan rakyat Negeri dan Negara ini di bawah Undang-Undang yang sedia ada. Keempat-empat bidang kuasa ini memainkan peranan yang penting sebagai satu pasukan mentadbir Negeri dan Negara ini. Mana-mana pihak yang keterlaluan bertindak di luar bidang kuasa masing-masing dan mencampuri bidang kuasa pihak lain akan dapat dibendung dan diperbetulkan mengikut pembahagian kuasa yang ada di bawah Perlembagaan Negeri. "Check and Balance" ini amat mustahak dibentuk, diawasi supaya rakyat dilindungi dari tindakan ganas dan zalim atau salah guna kuasa dan penindasan yang dilakukan oleh mana-mana pihak. Apa yang membimbangkan saya ialah jika trend meminda Perlembagaan Negeri ini terlalu kerap dilakukan di mana saya fikirkan akan berlaku lagi di masa hadapan ini maka Perlembagaan Negeri akan menjadi satu dokumen yang tidak lagi berharga kepada kita semua. Setiap rintangan yang menimpa Kerajaan berhubung dengan "division of powers" ini atau pembahagian kuasa yang saya sebutkan itu akan dirampas oleh Kerajaan melalui pindaan Perlembagaan. Justeru itu Kerajaan akan

15 November 1993

memperolehi kuasa yang melebihi keperluan. Dan justeru itu juga akan timbulah pindaan mengikut nafsu dan tidak lagi mengikut ajaran agama Islam yang maha suci atau budi bicara yang halus dan sopan melalui adat resam Melayu tulin yang berbudaya tinggi dan mulia. Lihat sahaja apa yang berlaku di dalam krisis Perlembagaan tempoh hari kononnya menjelma pemimpin Melayu baru yang merendahkan martabat Bangsa Melayu sendiri, Ketuanan Bangsa Melayu dan kedudukan Raja-Raja Melayu kerana hendak menghakis kuasa di tangan Raja-Raja Melayu yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Bukan itu sahaja, Pemimpin Bukan Melayu dalam Barisan Nasional juga telah digalak dan diberi tempat melalui mata kaca Televisyen untuk terus bersama-sama menghina dan mencaci Raja-Raja Melayu dan seterusnya merendahkan martabat dan ketuanan Bangsa Melayu itu sendiri. Hasilnya rakyat bukan Melayu ketawa besar melihat Melayu hancur Melayu, Melayu hina Raja-Raja Melayu di mana bukan Melayu juga memainkan peranan ini dan terbukti nyata segelintir Melayu tamak kuasa. Hasil daripada langkah yang kurang sopan ini Bangsa Melayu menjadi lemah dan berpecah belah di atas angkara perbuatan Bangsa Melayu itu sendiri.

Yang Berhormat Mulia, izinkanlah saya memperkatakan pula berhubung dengan pindaan yang hendak dilakukan di bawah Fasal 44 Bab Yang Pertama Perlembagaan Negeri bagi menggantikan proviso kepada Syarat 5 dengan proviso baru. Proviso ini pada prinsipnya menyatakan jika berlaku kekosongan kerusi Dewan Undangan Negeri dalam tempoh dua tahun dari tempoh edah kerusi DUN, Dewan Undangan Negeri ini dikosongkan, maka kekosongan itu tidak perlu diisikan kecuali Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri memberi tahu kepada Suruhanjaya Pilihanraya secara bertulis bahawa kekuatan dari segi bilangan parti yang membentuk majoriti semua ADUN terjejas oleh kekosongan itu ianya hendaklah diisikan dalam masa 60 hari dari tarikh pemberitahuan itu. Peruntukan ini dan pindaan ini jelas menunjukkan dengan nyata berat sebelah pihak Kerajaan UMNO baru Barisan Nasional untuk menjaga kepentingan parti yang memerintah sahaja. Ia samalah juga dengan pindaan Perlembagaan Persekutuan yang menghakis kuasa Raja-Raja Melayu, menghina dan mencaci Raja-Raja Melayu dan sekali gus menghina dan mencaci ketuanan Bangsa Melayu itu sendiri.

Begitu juga dengan perihal penghinaan dan pembuangan Tun Salleh Abbas, Ketua Hakim Negara, seorang anak Watan Negeri Terengganu sendiri bersama dua hakim lain yang ingin menegakkan keadilan dibuang seperti sampah oleh beberapa kerat manusia yang gila kuasa itu. Tiada seorang pun Ahli Dewan Undangan Negeri, UMNO baru di Dewan ini yang sanggup dan berani membela keadilan atau pun menyuarakan nasihat di atas penganiayaan yang dilakukan ke atas mereka yang tidak berdosa itu.

15 November 1993

Yang Berhormat Mulia Yang di-Pertua, jika Undang-Undang ini dipinda jua ianya bermakna dalam masa dua tahun rakyat dalam satu-satu kawasan itu dinafikan hak untuk memilih Wakil Rakyat untuk menghadiri diri di Dewan Undangan Negeri yang mulia ini. Ini juga mendedahkan bahawa tanpa Wakil Rakyat itu bermakna rakyat di satu-satu kawasan itu tidak dapat menyuarakan kesusahan dan rintihan rakyat kepada Kerajaan melalui Wakil Rakyat mereka di Dewan Undangan Negeri yang terlibat itu. Dan penting sekali ianya bertentangan dan bercanggah dengan Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi - Dengan izin saya baca -

"Kecuali sebagaimana dibenarkan dengan nyatanya oleh Perlembagaan ini, tidaklah boleh ada perbezaan terhadap Warganegara semata-mata oleh sebab ugama, kaum, keturunan atau tempat lahir dalam mana-mana undang-undang atau di dalam perlantikan bagi apa-apa jawatan atau pekerjaan di bawah sesuatu pihak berkuasa awam atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang berkenaan dengan memperolehi, memegang atau melepaskan harta atau berkenaan dengan menubuh atau menjalankan apa-apa "trade", perniagaan, profesyen, vokesyen atau pekerjaan."

Yang Berhormat Mulia Yang di-Pertua, soal atas alasan kononnya pindaan ini untuk mengelakkan perbelanjaan Kerajaan adalah tidak berasas dan tidak tepat sekali. Ini adalah disebabkan oleh kerana pihak yang menggunakan wang, wang Kerajaan itu yang datangnya dari wang rakyat adalah Parti UMNO baru, Barisan Nasional, melalui jentera-jentera Kerajaan, melalui Biro Tata Negara, Melalui Pegawai-pejawai KEMAS, Unit Perpaduan Ummah, UPEN, melalui projek anak angkat serta wang rakyat yang diselewengkan melalui Serikandi seperti yang berlaku di Pilihanraya Kecil di Bukit Payong dan Kampung Raja. Jika demokrasi hendak diletakkan di atas landasan yang sebenarnya maka kekosongan kerusi Dewan Undangan Negeri itu hendaklah diisikan mengikut Undang-Undang yang sedia ada tanpa diberi berbagai dalih dan muslihat yang akan merendahkan lagi martabat Kerajaan UMNO baru Barisan Nasional dari segi moral dan niat sebenar pindaan ini dibuat.

Yang Berhormat Mulia Yang di-Pertua, setakat inilah sahaja ucapan saya dan saya ingin menyatakan di sini bahwasanya saya menentang pindaan yang hendak dibuat oleh Kerajaan di dalam pindaan-pindaan yang telah diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tadi. Sekianlah terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (WAKIL BATU BUROK): Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dan Ketua-ketua Jabatan. Sebelum saya meneruskan penyertaan saya dalam mengemukakan dan mengutarkan hujah di dalam permohonan Rang Pindaan kepada Perlembagaan Negeri ini saya ingin

15 November 1993

mendapat penjelasan dalam jawapan Yang Amat Berhormat yang mengemukakan Rang ini untuk membuat perbezaan sama ada permohonan ini layak dipertimbangkan dan seterusnya untuk diluluskan di antara Fasal 12, 13 kepada Fasal 8 dan 52 Peruntukan Perlembagaan asal.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, kita semua tahu dan umum mengetahuinya, menjadikan pindaan yang dikemukakan pada hari ini perlu oleh Kerajaan Negeri ialah di atas peristiwa perbalahan merebut kuasa di antara Raja dan Kuasa Eksekutif dan untuk itu perlulah kita peka dan ketahui, dengan izin, Fasal 8 Perlembagaan Negeri Terengganu Bab Yang Pertama yang berbunyi -

KUASA MEMERINTAH NEGERI - Kuasa memerintah negeri ini hendaklah terletak kepada Duli Yang Maha Mulia akan tetapi kerja-kerja menjalankan kuasa itu bolehlah dikurniakan menurut Undang-Undang kepada orang-orang lain atau pihak-pihak yang berkuasa lain.

Jika Ketua Kerajaan memahami peruntukan ini maka pindaan yang dicadangkan ini tidak bererti dan tidak bermakna kerana "The Executive authority - Kuasa Memerintah, "vested" - duduk pada Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan. Dan hanyalah mencari satu pentafsiran perkataan - "shall act on advice" - hendaklah bertindak di atas nasihat, kononnya untuk memperkemaskan apa yang sedia ada. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, bahasa Melayu mempunyai kemurnian bahasanya yang tersendiri dan ada bahasa Pasar, ada Bahasa Kampung dan ada Bahasa Istana. Dan saya harap Ketua Kerajaan dan Pemimpin Kerajaan mengetahui bahasa-bahasa serta perbezaan-perbezaan Bahasa ini. Apakah cacatnya, dengan izin Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, apakah cacatnya kepada 12(1) yang sedia ada, dengan izin - 12(1) berbunyi -

Pada menjalankan kewajipan-kewajipan Baginda, menurut Perlembagaan Negeri ini atau mana-mana jua Undang-Undang atau sebagai seorang ahli Majlis Raja-Raja maka hendaklah "shall" hendaklah Duli Yang Maha Mulia bertindak mengikut nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan "shall act on advice of the ExCo" atau nasihat seorang yang menjalankan kewajipan menurut kuasa am Majlis Mesyuarat itu kecuali jika dipersyaratkan oleh Perlembagaan Persekutuan atau oleh Perlembagaan Negeri ini akan tetapi berhaklah Baginda boleh meminta apa-apa keterangan berkenaan dengan pentadbiran Negeri yang ada kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, inilah mercu kuasa dan inilah himpunan kuasa yang ada. Kuasa yang ada yang terletak kepada Raja-Raja

yang sebelumnya kita mencapai Kemerdekaan kelihatan mutlak telah pun diturunkan melalui proses Raja Berperlembagaan, Demokrasi Berparlimen. Jika sekiranya pihak Kerajaan khususnya Ketua Kerajaan mengerti apakah dia konsep Raja Berperlembagaan, Demokrasi Berparlimen, pindaan pada hari ini membuang masa sahaja. Itulah bahasa yang paling halus, bukanlah bahasa yang hendak dibahasakan kepada Raja-Raja seperti mana yang disiar dalam Televisyen dan Radio yang diluahkan oleh Pemimpin-pemimpin Melayu Baru seolah-olah pada ketika itu tidak ada martabat Raja, tidak ada kedudukan Raja, serangan, seranah, kutukan dan sehingga yang kita rasa sungguh aib bagi kita orang Terengganu, Makam di-Raja yang disediakan di Masjid Ladang dijadikan isu untuk mengutuk kedudukan Raja-Raja seolah-olah inilah buruknya Raja, yang meluluskan siapa? Yang mengizinkan perbelanjaan itu siapa? Yang mendapat kontrak siapa? Pintu Pagar Istana dijadikan isu yang besar, buruknya Raja, tidak ada martabat dan maruah seolah-olah inilah kehendak Raja tetapi saya di Dewan yang mulia ini juga berkata bahawa kesemuanya kontrak-kontrak ini dilakukan bukanlah di atas kepentingan dan kehendak Raja itu sendiri selain daripada menjaga martabat dan kedudukan Raja, ada orang yang mahu mengaut dan meraiskan keuntungan melalui kontrak-kontrak yang kita lihat tidak bersesuaian RM1.5 juta menampal pagar yang buruk menjadikan satu pagar bagi Istana Raja. Saya telah dalam Dewan yang mulia ini mengutarakan hujah ini.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada pindaan Artikal 32(1) yang membawa Yang di-Pertuan Agong pada permukaan keadilan adalah suatu perkara yang dipandang layak dan wajar oleh Kerajaan Pusat tetapi Kerajaan Negeri Terengganu walaupun di dalam struktur Kerajaan Persekutuan ianya mempunyai kedudukannya yang tersendiri sebagai sebuah Kerajaan yang berdaulat. Oleh yang demikian untuk kita meneruskan dengan usaha-usaha ini untuk mengadakan Perlembagaan bahawa Kerajaan hendaklah bertindak di atas nasihat jika sekiranya Raja menolak nasihat itu. Apakah remidinya, apakah redressnya, apakah tindakan yang boleh diambil jika Raja berdegil tidak mahu, tidak mahu menurut apa yang dinasihatkan. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, seperti mana yang saya katakan tadi setelah kita menerima konsep Raja Berperlembagaan, Demokrasi Berparlimen maka bukanlah kita boleh pandang kepada Raja sebagai pemusnah warisan sejarah, pemusnah warisan kebudayaan, pemusnah struktur pentadbiran tetapi kita hendaklah anggapkan Raja sebagai sebahagian daripada kuasa pentadbiran dan kuasa itu telah pun ditafsirkan di dalam Fasal 8 yang berbunyi - "The Executive Authority" Kuasa memerintah berada kepada Raja yang memerintah tetapi sebagai sebahagian daripada struktur pemerintahan dan pentadbiran Kerajaan, Raja yang telah menerima konsep Raja Berperlembagaan, Demokrasi Berparlimen tentulah mempunyai ciri-ciri dan konsep pematuhan kepada Perundangan yang sedia ada yang telah pun termaktub di dalam perkara ini. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, oleh itu tanpa mempunyai satu

15 November 1993

perundangan bagi Kerajaan Negeri untuk membolehkan Raja didakwa dan dihukum jika sekiranya bertindak di luar daripada susila yang ada dalam Perlembagaan ini maka apa sahaja yang kita hendak katakan sama ada "may" boleh atau pun hendaklah tidak memberi erti apa-apa oleh itu pindaan ini pada hemat saya adalah tidak sempurna.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di Pertua, dengan izin, ingin saya mengemukakan bahawa sebagai sebuah Kerajaan Negeri yang berdaulat yang mempunyai struktur pemerintahan dan pentadbirannya sendiri kita mesti dan perlu ingat kepada beberapa kes Perlembagaan yang bila mana Raja dibawa ke muka pengadilan sebagai Raja sebuah negeri yang berdaulat boleh menyatakan kepada pengadilan bahawa dia tidak mahu tunduk kepada Mahkamah yang ada pada hari itu kerana tidak ada peruntukan dan dia adalah Raja yang mempunyai Perlembagaannya sendiri. Dalam kes "Mitchel lawan Sultan of Johore" adalah suatu kes yang jelas dan satu lagi kes ialah "Dass Development Company lawan Kerajaan Negeri Kelantan" di mana isu-isu yang seumpama ini telah pun ditimbulkan dan imuniti atau pun kekebalan dari segi pendakwaan ke atas Raja boleh diketepikan melainkan dan kecuali Raja telah menyerahkan haknya dan tunduk untuk diadili di dalam Mahkamah. Oleh itu Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua sebelum pindaan ini diadakan mestilah terlebih dahulu ianya ada satu kuasa yang boleh memaksa dan boleh memberi keberkesanan kekuasaan ke atas seseorang Raja janganlah kita hanya terikut-ikut kerana di peringkat Pusat, di peringkat Federal ada orang yang marahkan kepada Raja atau pun di Negeri lain ada orang yang marahkan kepada Raja keseluruhan kita sama-sama menyertai sama sedangkan peruntukan yang ada kepada kita ini adalah cukup dan mencukupi coma apa yang perlu bagi kita ialah untuk memberi pentafsiran yang lebih sempurna kepada peruntukan Pasal 3 Perlembagaan Negeri Terengganu. Dengan izin Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di Pertua - Fasal 3 berbunyi -

Adalah Ugama Negeri ini hendaklah Ugama Islam sebagaimana yang dahulu-dahulu dipegang dan dijalankan di dalam Negeri ini.

Walau pun perkataan yang ditafsirkan dan diterjemahkan dalam Bahasa Melayu itu rasanya canggung oleh kerana Bahawa Melayu lama Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, dengan izin saya untuk penegasan bunyi saya ingin membaca teks di dalam Bahasa Inggerisnya yang saya rasa lebih menepati dan insyaAllah saya akan terjemahkan -

The religion of the State shall be the Muslim Religion.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di Pertua, bagi kita orang Islam yang mempercayai akidah Islamnya, bila kita memperkatakan bahawa Ugama aku adalah Islam dan kita mengambil syahadah dengannya, apakah erti kepadanya.

15 November 1993

Ini membawa erti kita menggugurkan, menggugurkan dan melupuskan ke semua akidah, kesemua kepercayaan selain daripada Ugama Islam dan bila mana kita telah menerima Islam secara menyeruhnya, secara total, maka di sinilah akar umbinya, di sinilah kita mesti berpindah segala perundangan kita, apa-apa juar yang bertentangan, apa-apa juar yang bercanggah dengan peruntukan ini hendaklah kita lihat dengan secara objektif untuk kepentingan dan kesejahteraan ummah.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, kita lihat kepada Fasal 13 berkenaan dengan Perlantikan. Fasal 13 berkenaan dengan perlantikan ini juga telah jelas, tidak perlu dipinda cuma apa yang perlu dijadikan sebagai suatu Perlembagaannya yang mesti diperkemaskan ialah kedudukan Penasihat Undang-Undang. Kerana Penasihat Undang-Undang ini adalah Pegawai Pusat, Pegawai Persekutuan dan Perlembagaan Negeri Terengganu mempunyai jawatan yang khusus sebagai Penasihat Undang-Undang tetapi Pegawainya di pinjam daripada Jabatan Peguam Negara. Ini mesti diperjelaskan sama ada Kerajaan Negeri mahu mempunyai Pegawainya sendiri yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri sendiri seperti mana yang termaktub di dalam Perlembagaan ini tetapi tidak ada peruntukan dalam Perlembagaan yang menjelaskan fungsi dan peruntukan itu. Inilah yang lebih perlu bagi kita demi untuk menjaga kepentingan dan kedudukan Pemerintahan Negeri dalam struktur federalisme. Jika sekiranya kita tidak membetulkan keadaan ini akan timbul satu keadaan dan ketika di mana kehendak dan hasrat negeri akan bercanggah dengan kehendak dan hasrat Persekutuan. Kepada siapakah bossnya, kepada siapakah kepatuhannya Penasihat Undang-Undang akan memberi nasihat, kepada Kerajaan Negeri atau pun mematuhi kehendak dan direktif daripada Kerajaan Pusat.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, Fasal 13 mengikut pengamatan saya lebih kemas daripada apa yang dicadangkan untuk dipinda pada hari ini dan saya percaya serta yakin Ketua Kerajaan, ahli-ahli ExCo dan wakil-wakil daripada parti Kerajaan termasuk Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua akan bersetuju dengan saya, dengan izin - Fasal 13(1) berbunyi -

Duli Yang Maha Mulia hendaklah dengan syor Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri berkenaan melantik dengan surat lantikan yang ditandatangani oleh Baginda dan memakai Mohor Negeri seseorang yang memegang jawatan sepenuh masa dalam perkhidmatan Kerajaan menjadi Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang Negeri dan Pegawai Wang Negeri dengan tertibnya dengan syarat, "on condition" - dengan syarat iaitu sebelum daripada bertindak menurut syor Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri itu maka Duli Yang Maha Mulia hendaklah menimbangkan nasihat Menteri Besar dan bolehlah di rujukkan sekali syor itu kepada Suruhanjaya itu

15 November 1993

supaya boleh ditimbangkan semula dengan syarat jika sekiranya tiada Suruhanjaya Perkhidmatan yang ada kuasanya berkenaan dengan sebarang perlantikan bagi mana-mana jawatan tersebut di dalam syarat ini maka perlantikan itu bolehlah diperbuat oleh Duli Yang Maha Mulia mengikut timbangan Baginda sendiri.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, bagaimana yang saya katakan Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang tidak termasuk dalam kategori yang dinyatakan dalam Perlembagaan ini kerana ianya dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Fusat. Dan kalauolah Kerajaan Negeri merasakan terlalu ghairah untuk memindanya saya rasa dan saya mencadangkan supaya mengikatkan perlantikan itu cukuplah dengan mengatakan bahawa Duli Yang Maha Mulia hendaklah, dengan izin Dato' Yang di-Pertua - "Duli Yang Maha Mulia hendaklah di atas nasihat Suruhanjaya atau pun sokongan "recommendation" Suruhanjaya dan setelah menimbang nasihat Menteri Besar supaya mendengar nasihat Ketua Kerajaan ianya mencukupi.

Di sana Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, kita mestilah juga mengambil kira peruntukan Fasal 56. Kalauolah dipandangkan kepada Fasal 13: Perlantikan tiga Pegawai Utama, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang, Pegawai Kewangan kenapa tidak dipinda peruntukan kepada Fasal 56 yang masih lagi memberi kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia untuk melantik ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri. Kalauolah kononnya kuasa Raja berkenaan dengan perlantikan ini hendak dirampas, hendak dihakiskan tetapi tidak pula dipinda 56 yang mana Raja boleh lagi mengawal dan untuk mengteraturkan apakah kehendaknya melalui peruntukan Fasal 56. Oleh itu Dato' Yang di-Pertua, saya merasakan bahawa cadangan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat kepada Dewan yang mulia pada hari ini semata-mata budaya ikutan "is an apeing", kalau di Barat orang pakai seluar pendek semuanya seluar pendek. Kalau di Barat pakai rambut panjang, semuanya rambut panjang, ini budaya "pak turut" mestilah diketepikan, kita mestilah meminda Perlembagaan ini di atas kehendak dan yang benar-benar memberi manfaat dan kepentingan kepada negeri kerana ianya diperlukan benar-benar, bukan kerana orang lain buat begitu kita mesti buat begitu. Kita mestilah melihat kepada realiti kehendak semasa. Oleh itu Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, jika sekiranya Kerajaan merasakan Perlembagaan kita ini usang sepertimana yang kita diperdayakan kononnya Perlembagaan ini lanjutan kepada Perlembagaan 1911 tetapi apa yang tinggal kepada 1911 hanyalah keratan-keratan yang tidak bermaya lagi tetapi untuk digambarkan bahawa Terengganu masih lagi mengamalkan 1911 yang tidak bertentangan dan yang selaras dengan kehendak Islam kononnya itulah Darul Imannya. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, dengan itu saya dengan rendah diri mencadangkan kalauolah Kerajaan merasakan dan kita semua merasakan pindaan Perlembagaan ini perlu satu Jawatankuasa Khas Penggubalan

15 November 1993

semula Undang-Undang Perlembagaan Negeri Terengganu ini hendaklah diadakan dan kita membuat semakan yang menyeluruh, pindaan yang menyeluruh dan jika sekiranya bahawa Perlembagaan itu perlu diadakan Perlembagaan baru mengikut kehendak semasa Melayu Baru, UMNO Baru, boleh dibuatkan tetapi ianya hendaklah menggambarkan, mencerminkan kehendak yang benar-benar layak. Oleh itu janganlah kita menjadi orang muda yang baru kahwin yang tidak tahu size rumah dia, beranak seorang dia tambah satu surong, beranak seorang besar sedikit dapor, beranak seorang dia perbesar tangga. Jadi inilah keadaan Negeri sedangkan Perlembagaan ialah Piagam yang sepatutnya di hormati dan dikekalkan selagi ianya tidak mencanggahi kehendak Allah Subhanahuwataala dan jika sekiranya ianya bercanggah sepertimana saya katakan Fasal 3 tadi maka kewajipan dan tanggungjawab kitalah untuk membetulkan dan menyeraskannya sepertimana yang dikehendaki oleh Allah Subhanahuwataala setelah kita meletakkan bahawa Agama Islam itu adalah Agama bagi Negeri Terengganu ini.

Jadi dengan yang demikian, Dato' Yang di-Pertua, saya dalam keadaan ini menentang sekeras-kerasnya usaha untuk meminda Perlembagaan ini kerana ianya tidak menggambarkan hasrat dan kehendak yang betul-betul murni tetapi ialah daripada hasrat hasad dan dendki pemimpin-pemimpin UMNO Baru dan Melayu Baru semata-mata irihati kepada kuasa yang ada kepada Raja. Wallahuaklam.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua dan ahli Yang Berhormat sekalian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya ingin menambah atau mengambil bahagian dalam Rang Enakmen yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk meminda beberapa peruntukan dan Fasal dalam Perlembagaan atau pun Undang-Undang Tubuh bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh sahabat-sahabat saya bahawa Perlembagaan atau Undang-Undang tertinggi bagi sesebuah Negara itu mestilah mencerminkan akidah kepada negara, kepada rakyat yang berada di dalam negara itu. Walau bagaimanapun kebanyakannya daripada negeri-negeri yang baru merdeka kebanyakannya Perlembagaan-perlembagaannya tidak digubal mengikut kemahuan dan kehendak anak Negeri itu tetapi kebanyakannya melalui cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan bekas penjajah atau orang yang pernah menjajah negeri itu. Sedikit sebanyak negara-negara ini terikat dengan amalan-amalan kefahaman-kefahaman yang diamalkan oleh orang yang pernah menjajah mereka. Satu perkara juga yang kita harus sedari dan semua kita sedar bahawa krisis Perlembagaan ini berlaku di mana-mana sahaja berdasarkan kepada perkembangan-perkembangan semasa, perkembangan-perkembangan politik dan pemikiran dalam sesebuah negara. Keadaan semasa ini kita juga dengar dan kita lihat bagaimana Krisis Perlembagaan berlaku di Rusia yang mencetuskan

beberapa peristiwa yang ngeri yang tidak diingini dalam negara mereka. Negara kita juga salah sebuah daripada Negara yang membangun juga menghadapi krisis Perlembagaan dan krisis Perlembagaan bukan sahaja baru kali ini berlaku, tahun 1983 satu krisis Perlembagaan yang hebat juga berlaku dan berlaku lagi pada tahun 1993 iaitu 10 tahun kebelakangan. Yang seharusnya kita fikir ialah bahawa dalam menghadapi krisis Perlembagaan ini kita seharusnya memikirkan soal keseimbangan kuasa-kuasa yang ada dalam negeri ini, keseimbangan kuasa ini perlu, kalau tidak ada keseimbangan kuasa, kalau kuasa-kuasa itu berat sebelah maka pada kebiasaannya dalam negara yang Perlembagaannya tidak memperuntukkan perseimbangan yang benar-benar rapi dan baik antara kuasa-kuasa kebanyakannya berlaku tidak adil, jadi oleh kerana itu kita dalam Negeri Terengganu ini yang mana Terengganu dalam Malaysia bila Malaysia mengubah Perlembagaan dia maka Terengganu memanglah oleh sebab diperintah oleh Parti yang serupa dengan Parti memerintah Malaysia ini apa juga tuan dia di Kuala Lumpur mahu ubah maka dia ubah sama ada mendatangkan manfaat atau tidak mendatangkan manfaat dia ubah, sama ada menguntungkan atau tidak dia ubah ini memang biasalah kerja-kerja sebuah Negara yang dipanggil Demokrasi Berparlimen. Saya sebagai Parti Pembangkang, salah seorang daripada anggota Pembangkang dalam Dewan ini sering dicemuh, dikutuk oleh sahabat-sahabat saya yang mewakili Parti Kerajaan, Parti yang memerintah, kami orang-orang PAS ini tidak hormat kepada Raja, masa dahulu kami Majlis Perasmian jarang-jarang mari, sebab kadang-kadang banyak kerja bila tidak mari dia kata tidak hormat kepada Raja dan kami telah menjelaskan beberapa kali bahawa cara kami menghormati Raja berlainan dengan cara Barisan Nasional menghormati Raja, dia hendak sesuai dengan UMNO Baru itu dia tukar pula sekarang ini Melayu Baru pulak. Jadi, Melayu Baru ini orang macam mana kita tidak tahu lah, jadi cara penghormatannya dan penghargaannya berlainan. Jadi sahabat-sahabat kita dalam Kerajaan ini menghormati Raja dia, Sultan dia memberi pakaian indah, memberi istana cantik, memberi kerusi yang bagus, tempat tinggal yang baik dan sebagainya tetapi kuasa yang ada kepada mereka itu untuk mentadbir negara, untuk campur tangan dalam masalah rakyat jika berlaku krisis di antara Parti Pembangkang atau rakyat yang berfahaman tidak serupa dengan Kerajaan, untuk menyelesai, untuk menjadi orang tengah, untuk menyelesai untuk menjadi pengadil, kuasa-kuasa yang ada itu di tarik balik, jadi bagi dia cukuplah Raja yang duduk di atas Takhtanya, memakai kerusi yang baik, pakaian yang baik, peruntukan yang bagus tetapi kuasanya tidak ada, itu cara penghormatan semacam anak-anak kita memberi penghormatan kepada anak-anak patung yang dibeli diberi pakaian bagus, itu bagus letak di atas kerusi tetapi anak patung ini dia tidak ada apa-apa kuasa, ini cara saudara-saudara kita UMNO Baru ini Barisan Nasional menghormati Raja mereka. Soalnya sekarang ini kita bukan masalah menghormati Raja atau menghormati siapa, oleh sebab kita mengatakan bahawa Perlembagaan melambangkan akidah bagi sesatu negara itu akidah rakyat yang

15 November 1993

berada di dalam itu kita ingin melihat perimbangan kuasa itu berlaku sebab kemungkinan Kerajaan yang menjalankan pentadbiran negara yang mewakili parti mereka mungkin tersilap, mungkin tersilap atau pun kalau kita hendak pakai istilah saudara saya Wakil Telemong tadi iaitu "laju" jadi kalau seorang driver yang memandu kereta dengan laju maka seharusnya ada satu kuasa lain dalam kereta yang sama memberi peringatan atau pun mengkontrol atau mengawasi minyak, tekanan minyaknya supaya tidak terlalu laju. Jadi sekarang ini nampaknya pihak Kerajaan ini hendak membebaskan dia, Parti yang memerintah hari ini telah menunjukkan belang hendak membebaskan dirinya daripada sebarang ikatan yang dibuat oleh Perlembagaan, sebarang ikatan yang ada di dalam Perlembagaan jika ini dikira oleh Kerajaan akan mengganggu kerja-kerjanya yang laju itu maka semuanya akan dipinda dan di ubah walaupun perkara ini melibatkan kepentingan-kepentingan daripada pihak yang lain. Jadi oleh kerana itu cara Kerajaan sekarang ini menghapuskan...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (WAKIL LANGKAP): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Saya cuba hendak mengikuti perbahasan oleh Yang Berhormat itu tetapi saya tidak dapat hendak tangkap. Bukankah Perlembagaan Negeri kita membenarkan peruntukan-peruntukan di dalam Perlembagaan itu sendiri diubah daripada masa ke semasa. Jadi apa yang dikemukakan ini sebenarnya mengikut Perlembagaan, bukan bertentangan dengan Perlembagaan itu sendiri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR): ... Saya ucap terima kasih kepada saudara saya Wakil Langkap dan kita sedarlah Perlembagaan itu bukan Quran, dia boleh diubah, dia boleh dipinda tetapi saya mengatakan bila hendak diubah, hendak dipinda ini kita mestilah meraikan satu konsep perimbangan kuasa di dalam sebuah Negeri. Perimbangan kuasa itu ....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (WAKIL LANGKAP): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, minta dijelaskan takrif maksud "perimbangan kuasa", kuasa diantara siapa dengan siapa.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR): .. Dalam Negeri itu kuasa ada kuasa Kerajaan, ini Ahli Dewan Negeri pembuat Undang, diluar ada Mahkamah untuk pengadilan, itu dia jadi sekarang ini ...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (WAKIL LANGKAP): Yang Berhormat Dato' Yang di-pertua, sepanjang yang saya tahu - penjelasan - Perlembagaan itu sendiri menentukan, mentakrifkan kuasa-kuasa. Jadi apa yang dibuatkan oleh Kerajaan daripada masa ke semasa menjalankan kuasa-kuasanya adalah sebenarnya tertakluk kepada kuasa-kuasa yang diberikan oleh Perlembagaan terkecuali kalau kuasa itu tidak diberikan maka Kerajaan tidak mungkin akan dapat menjalankan kuasa itu. Sebagaimana yang kita sedia

15 November 1993

maklum iaitu seperti kuasa meminda peruntukan-peruntukan tertentu yang berkehendakkan kepada 2/3 Majority. Kalau tidak ada kelayakan daripada segi itu maka kuasa itu sudah tentu tidak akan dapat di jalankan. Jadi, Dato' Yang di-Pertua, sebenarnya Perlembagaan memberikan peruntukan yang cukup untuk menjaga kepentingan pihak-pihak yang tertentu dan kuasa-kuasa pihak-pihak yang tertentu dan juga Perlembagaan memberikan peruntukan yang tertentu bagi pihak berkuasa menjalankan kuasa-kuasanya. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR): .. Yang Berhormat Dato' Yang di-pertua, saya ucap terima kasih. Saya menyatakan bahawa sesbuah Negara itu boleh meminda, mengubah Perlembagaannya atau pun Undang-Undangnya atau pun mana-mana Peraturan. Saya bercakap dalam bidang kuasa sesbuah Kerajaan meminda Perlembagaan jadi oleh sebab itu saya menekankan masalah perimbangan kuasa. Jadi Kuasa Eksekutif yang dalam Perkara 8 menunjukkan bahawa Sultan itu merupakan atau pun Kuasa Memerintah Negeri ini hendaklah terletak kepada Duli Yang Maha Mulia akan tetapi dan sebagainya. Sekarang ini kuasa yang ada kepada Sultan itu hendak ditarik balik semua sekali sebab itu saya katakan Kerajaan ini telah menafikan sebahagian daripada aspek-aspek yang ujud di dalam negara kita sebagai sebuah negara demokrasi berparlimen dan negara berRaja. Jadi salah satu daripada institusi yang ada ialah institusi ...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (WAKIL LANGKAP): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Pindaan ini tidak termasuk di dalam bidang yang tidak memberikan kuasa kepada Kerajaan untuk dipinda. Peruntukan yang hendak dipinda ini terjatuh di dalam bidang yang Kerajaan ada kuasa untuk memindanya. Jadi itu penjelasan, Dato' Yang di-Pertua, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR): .. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, tentulah kalau tidak ada kuasa bagaimana Kerajaan hendak meminda, dia tidak boleh pinda tetapi saya bercakap pemindaan itu seharusnya mengambil kira perimbangan kuasa tetapi sekarang ini Kerajaan Negeri Terengganu ini mengikut Kerajaan Malaysia menjadikan Raja yang memerintah, Raja-raja yang ada di Negeri ini sebagaimana Raja-Raja mengikut fahaman falsafah ketuhanan yang dipakai oleh Aristotle. Aristotle dia fikir Raja dia ini Tuhan dia, terlalu istimewa, bila terlalu istimewa...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (WAKIL LANGKAP): Maaf Dato' Yang di-Pertua, saya tak kenal Aristotle, saya tak faham falsafah dia.

15 November 1993

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR): .. Tak kenal? Nanti saya bersyarah dulu - heh, nanti saya hendak bersyarah dulu...

YANG PERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (WAKIL LANGKAP): Tidak, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Tujuan pindaan ini sebenarnya bukan untuk menjelaskan kedudukan Raja-Raja di dalam Perlembagaan. Kedudukan Raja-Raja dalam Perlembagaan ialah Raja Berperlembagaan, itu saja.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR): .. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya cerita ini kearah, pindaan ini kearah menjadikan Raja-Raja Melayu ini sebagai Tuhan Aristotle saja. Aristotle menganggapkan Tuhan dia terlalu istimewa, terlalu baik, sehingga Tuhan dia tidak tahu apa yang berlaku dalam dunia ini. Jadi oleh sebab itulah falsafah Aristotle di pakai oleh British. Maka Raja British dia menjadi Raja tetapi tidak berkuasa, dipindah ke dalam Negara Malaysia ini kerana Malaysia bekas Jajahan British jadi sebab itu saya katakan sepatutnya Perlembagaan mencerminkan akidah rakyat tetapi Raja, Ketua bagi sebuah Negara, bagi sebuah Negeri yang menerintahnya tidak ada kuasa, dia mesti ikut nasihat. Nasihat pulak dalam ini ikut siapa-siapa, mana-mana golongan nasihat sama ada nasihat itu ikut yang menasihat dia itu orang Islam atau orang yang tidak Islam tidak timbul sebab Negara kita Demokrasi Berparlimen ini kita tidak boleh jamin terus menerus bahawa Negeri ini akan dipimpin, dikuasai oleh orang-orang Islam lebih-lebih lagi Negara kita ini penduduknya berbilang agama dan berbilang bangsa maka oleh sebab itu jaminan masa depannya terlalu gelap. Jadi kalau kita mencerminkan akidah, Perlembagaan mencerminkan akidah tentu membicarakan bagaimana pandangan Islam yang menjadi akidah kepada rakyat, kedudukan Raja dia, kedudukan Ketua Negara dia. Saya bukan hendak sokong siapa-siapa dia jadi Ketua Negara, itu bukan mesti Raja jadi Ketua Negara, ini boleh siapa-siapa dia saja jadi. Soalnya sekarang Perlembagaan ini tidak memberi kuasa, cabut macam Aristotle terus. Jadi Akidah Islam lain tapi kita pakai akidah Aristotle. Ini satu permasalahan yang besar, jadi oleh sebab itulah saudara-saudara sekalian, dalam sebuah negara ini saya ingat kalau ikut ada seorang ulamak kita, Imam Ghazali kata -

الدين عص  
والسلطان حارت  
فملا اسله فمحروم  
وملاحا رسنه فضاها

15 November 1993

Jadi, Ugama sebagai asas, akidah rakyat sebagai asas, hendak menentukan kuasa ini beri siapa-siapa dia. Jadi oleh sebab itu Ugama sebagai asas dan Kerajaan, Raja, apa kita nama Rajakah, nama Govenorkah, nama Presidenkah macam Amerika Syarikat yang mengetuai bagi satu negara itu dia menjadi "haaris" menjadi pengawal, penjaga, penyelamat, pentadbir. Jadi sesuatu benda yang tidak ada asas, tidak ada Agama maka dia akan runtuh, dan kalau sekiranya satu Negara yang tidak ada penjaga, tidak ada pengawal dia akan hilang begitu saja. Sebab itu saudara-saudara sekalian . . .

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (WAKIL LANGKAP):** Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, saya bukan apa saya minta penjelasan dan cuba memberikan penjelasan tadi berdasarkan kepada Enakmen, perkara yang dibincangkan bersabut dengan hujjah-hujjah ahli Yang Berhormat itu. Saya menyatakan bahawa apa yang dilakukan ini adalah mengikut Perlembagaan dan sama sekali tidak berhasrat atau pun bertujuan untuk merampas atau pun menafikan hak mana-mana pihak, jadi itu saja Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR):** . . . Jadi, pada pandangan saya merampas, sudah tidak ada hak. Dalam perubahan tahun 19 .....

**YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR):** . . . Ada lagi, baru 12, hak 44 tak sebut lagi, hak 25 (a) tak sebut lagi.

**YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA:** Saya memberi masa Yang Berhormat sedikit lagi, teruskan.

**YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR):** . . . Saya akan teruskan, terima kasih – Kearah mengurangkan atau menarik semua kuasa yang ada pada Raja-Raja. 1983 saya telah menyatakan, kita tahu bahawa Raja atau Yang di-Pertuan Agong salah satu daripada fakta-fakta yang boleh menjadikan satu-satunya Undang-Undang itu Undang-Undang mesti mendapat persetujuan tetapi dah diubah, selepas daripada sebulan kalau Raja setuju tidak setuju pun jadi Perlembagaan, jadi Undang-Undang saudara-saudara sekalian, ini salah satu daripada tanda-tanda menarik kuasa-kuasa yang ada pada Raja-Raja, saya ingat saya tidak berbohong di dalam perkara ini, saudara. Kemudian berhubung dengan perkara 25A, kita sedar, saya dalam meminda Perlembagaan atau meminda Undang-Undang kita kena sedar bahawa walaupun apa kedudukan manusia, rakyat dalam sesebuah negara, dia manusia itu dia tetap manusia, seharusnya manusia itu mempunyai persamaan iaitu persamaan hak dan kewajipan dalam sesebuah negara. Jadi oleh sebab itu tidak ada sebab yang boleh mendorong Kerajaan meminda perkara 25 ini. Kalau kita jadikan

15 November 1993

Undang-Undang Negara ini Undang-Undang Islam sama rata, siapa-siapa dia pun tunduk pada satu Mahkamah, apa pulak orang ini ada Mahkamah ini, orang ini ada Mahkamah yang lain. Ini menunjukkan bahawa nampaknya Undang-Undang kita tidak mencerminkan akidah. Kita orang Islam sendiri sepatutnya Undang-Undang mestilah mencerminkan akidah kepada kita orang-orang Islam sendiri. Saya tidak hendak mengurangkan, kalau kita setuju tidak setuju pun pindaan ini memanglah kita tahu dulu tidak cukup 2/3 ini barangkali cukup 2/3 dan tidak ada guna kami bangkang pun maknanya Raja-Raja kita dah tahu dah setuju sain semua dah, kita tahu, itu dia, tetapi saya bercakap dari fakta kebenaran, sepatutnya kalau tidak ada ....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN DAUD (WAKIL LADANG): Penjelasan, Dato' Yang di-Pertua - Saya hendak tanya Wakil Manir ini, Tuanku jemput ke Istana dia pergi tidak? Itu saja.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR): ... Masa jemput ke Istana pernah saya pergi, ajak tahlil saya pergi, ajak makan di majlis ini saya pergi, ada jugak hari tidak pergi, ada saya berceramah. Ceramah saya tidak tinggalah, sebab ceramah itu penting lagi bagi saya daripada menghadiri jemputan-jemputan yang seperti itu. Terima kasih, kalau hendak ajak pergi sekali tidak apa, Wakil Ladang bila-bila dia talipon saya bila programnya ada dia boleh bagi tahu, Insyaallah. Jadi oleh kerana itu Yang Berhormat Yang di-Pertua, kalau kita sedar kewajipan ini semua orang ada tanggongjawab, ada hak dia, semua manusia ini sama di hadapan Undang-Undang. Kita masih ingat Saidina Ali bila berjumpa dengan Baju Besi dia hilang, Baju Besi dia pakai dalam perang hilang kepada orang Yahudi, dia tidak merampas Baju Besi ini daripada Yahudi, dia bawa kepada Kehakiman dan seorang Ketua Negara Amirulmu'minin bicara hadapan Hakim biasa, bukan Mahkamah Khas dan Amirulmu'minin ini bila datang ke Mahkamah, bila Tok Hakim tanya apa dakwaan Amirulmu'minin dia kata - "Saya kehilangan Baju Besi dan saya dapati Baju Besi ada kepada Yahudi ini dan saya hendak menuntut dakwa supaya Baju Besi diserahkan balik kepada saya". Bila Tok Hakim tanya -

البيت يا أمير المؤمنين نين

Mana dia keterangan saksi yang menyatakan baju ini baju kamu - Amirulmu'minin senyum saja, suka, ketawa kerana dia mengiktiraf keadilan, kebebasan Hakimnya membicarakan dia walaupun dia sebagai seorang Ketua tetapi pandangan Mahkamah sama saja, pandangan Hakim. Jadi satu perkara yang mustahak dari sudut keadilan Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua dan bagaimana dengan cara yang seperti itu Amirulmu'minin memberi kebebasan kepada Hakim. Tapi dalam Negara kita ini hakim tidak diberi kebebasan, bila ada Hakim yang menyokong, atau membuat keputusan yang berlainan dengan

15 November 1993

kemahuan Kerajaan maka Hakim menerima akibat buruk. Ini perimbangan kuasa sudah tidak ujud di dalam Negara kita ini dan kita Dewan Negeri Terengganu ini oleh sebab dipimpin oleh orang-orang yang terlibat dalam Melayu Baru ini maka tidak menghiraukan perkara-perkara yang seperti ini.

Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, oleh sebab masa pun sudah tidak panjang, saya pergi kepada Perkara 44 kita bincang dari satu dua perkara iaitu pindaan kepada Perkara 44 Perlembagaan yang mana semata-mata untuk mempertahankan atau mengambil kesempatan oleh pihak yang berkuasa hendak mengekalkan kedudukan dan kekuatannya sahaja. Jadi oleh sebab itu memanglah masalah satu daripada Kawasan Pilihanraya yang kalau kebetulannya kawasan itu kawasan diwakili oleh Pembangkang memanglah kalau Pembangkang ditakdirkan mati, mati semuanya mati Pembangkang pun mati, yang Kerajaan pun mati, dalam masa dua tahun sebelum Dewan dibubarkan maka tidak dibenarkan diadakan pilihanraya jadi memang hak rakyat kawasan itu menghantar wakil, tapi dalam masa dua tahun ini persidangan mungkin tiga empat kali berlaku yang mana kawasan tersebut sudah, rakyat dalam kawasan itu, para pengundi dalam kawasan itu sudah tidak ada wakil, dinapikan haknya untuk memberikan pandangan-pandangan mewakili mereka, ini satu perkara yang saya rasa dari sudut keadilannya memanglah tidak adil. Dari sudut keadilannya dia tidak berlaku adil jika kita berbuat demikian. Dan dari sudut kewangannya mungkin Kerajaan fikir dari sudut kewangannya rugi bila menghadapi pilihanraya, banyak wang yang habis, memanglah mungkin saya rasa wang Kerajaan tidak banyak habis, wang Kerajaan betul itu dari sudut pengurusan dan pentadbirannya mungkin tidak banyak duit habis tetapi bagi parti Kerajaan yang hendak mempertahankan kerusi atau hendak rampas kerusi itu memanglah banyak habis duit. Dalam pilihanraya Kecil Bukit Payong semua agensi digunakan yang menyebabkan perbelanjaan banyak sehingga dalam perbicaraan itu maknanya terlibatlah Ketua Kerajaan dan sebagainya dan berbagai-bagai nama, jadi barangkali pihak parti yang memerintah ini merasakan betapa besarnya belanja yang terpaksa dibelanja bila dalam pilihanraya, bukan Kerajaan. Jadi apa salahnya kalau Kerajaan atas Perlembagaan atau berdasar kepada peruntukan yang ada dalam Perlembagaan patut membelanjakan harta dengan betul, dengan baik, apa salahnya sehingga kita menapikan hak rakyat dalam kawasan itu selama dua tahun untuk menghantar wakil mereka kecuali jika Kerajaan rasa dia tergugat macam dalam Negeri Terengganu kalau baru-baru ini Undang-Undang sudah diluluskan, Enakmen diluluskan maka Kampung Raja tidak boleh diadakan lagi pilihanraya baru ini maka tidak cukuplah 2/3 bagi Dewan Undangan Negeri ini barulah peruntukan Enakmen ini memberi pihak Kerajaan Parti yang memerintah. Jadi oleh sebab itu saya rasa dari sudut keadilannya tidak begitu adil dan saya bersama-sama dengan sahabat saya jika sekiranya Kerajaan betul ingin mengujudkan satu Perlembagaan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu ini yang baik yang teratur yang tersusun, yang rapi, maka kita

15 November 1993

boleh menubuh satu Suruhanjaya, satu Jawatankuasa Menyemak Semula Perelembagaan yang ada ini kita buat dengan lebih kemas lagi sehingga perimbangan kuasa berlaku dengan masing-masing tidak dinapikan hak mereka hidup di dalam sebuah Negeri sepetimana yang kita sayangi dan kita kasih ini. Sekian.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ada lagi ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap, kalau tidak ada saya menjemput pihak Kerajaan menjawab.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (WAKIL SEBERANG TAKIR): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebelum Yang Amat Berhormat memberi jawapan dan penjelasan kepada beberapa perkara yang ditimbulkan oleh ahli-ahli Yang Berhormat daripada Parti Pembangkang izinkanlah saya mengambil kesempatan untuk turut sama menyatakan beberapa pendapat tentang perkara-perkara yang ditimbulkan oleh ahli-ahli Pembangkang dengan begitu bersemangat sekali. Tetapi saya rasa dukacita bila Yang Berhormat Wakil Manir dalam keghairahan bercakap itu menyatakan bahawa dia tidak sokong mana-mana, jadi saya tidak reti, jadi dia bangkang dan dia mengatakan dia tidak sokong mana-mana ini saya tidak reti, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Kita akan hairan kalau dalam perbahasan seumpama ini Pembangkang tidak membangkang Usul Kerajaan, kita akan hairan, tetapi apa yang dia bangkang hari ini kita tidak hairan, yang kita hairan dia terima bulat-bulat.

Dato' Yang di-Pertua, kalau kita perhatikan daripada segi teori dan praktiknya Negara yang mengamalkan dasar atau pun pemerintahan cara Berparliman maka kuasa itu sebenarnya kuasa yang diberikan oleh rakyat. Ertinya kuasa yang diberikan oleh rakyat kepada wakil-wakil yang dipilih. Dan kita harus ingat bahawa kita telah mencapai Kemerdekaan lebih daripada 36 tahun. Dalam masa 36 tahun ini kalau tidak salah Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ini kali yang kedua kita membuat pindaan keatas Perlembagaan Negeri kita. Pengalaman kita dalam menghayati kehidupan Berparliman telah banyak, jadi pengalaman ini meminta kita menyelesaikan beberapa masalah, jadi masalah-masalah itu terdapat juga antara lain dalam Perlembagaan kita sendiri termasuk dalam Perlembagaan Persekutuan dan di dalam Perlembagaan Negeri. Maka dengan kehendak rakyat Tuan Yang di-Pertua, maka Perlembagaan itu mesti disesuaikan dengan keadaan masa, jadi masa telah meminta supaya pindaan itu dibuat. Maka hari ini kita membawa pindaan itu walaupun rasa saya pindaan yang kita buat ini agak terlewat, sepatutnya kita buat lebih awal daripada ini. Saya mengatakan bahawa rakyat berkehendakkan pindaan ini dibuat sebagai satu contoh kecil Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dalam pilihanraya Kampung Raja baru-baru ini pihak Pembangkang yang meletakkan seorang calon daripada

15 November 1993

Semangat 46 telah meminta pengundi-pengundi di kawasan Dewan Undangan Negeri Kampung Raja supaya jangan memilih Calon Barisan Nasional, kalau pilih ertinya Barisan Nasional mendapat 2/3 majoriti tetapi nampaknya sebagai contoh yang saya katakan tadi pengundi-pengundi disitu telah memilih calon Barisan Nasional dengan majoriti yang sangat baik jika dibandingkan dengan majoriti Pilihanraya Umum 1990. Jadi jelaslah pengundi-pengundi dalam Dewan Undangan Negeri Kampung Raja menolak permintaan Parti Semangat 46 yang di sokong begitu kuat oleh PAS begitu jelas. Jadi saya rasa wakil-wakil Pembangkang, Yang Berhormat Manir, Yang Berhormat Batu Burok, Yang Berhormat Tanggol tidak bercakap sebagai yang dicerminkan oleh rakyat, ertinya bercakap bercanggah dengan apa yang dicerminkan oleh rakyat...

YANG AMAT MULIA TENGKU SRI PADUKA RAJA

YANG BERHORMAT TENGKU IBRAHIM IBNI AL-MARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH (WAKIL TANGGOL): Yang Berhormat Mulia Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan - Adakah kemenangan yang diperolehi, minta maaflah Yang Berhormat - Kemenangan yang diperolehi di Kampung Raja itu boleh dikatakan benar-benar mengikut proses demokrasi. Bukti tidak ada tetapi semua orang tahu, faham sajalah. Sekian.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (WAKIL SEBERANG TAKIR): ...Memang betul, semua orang tahu, BN menang, dan memang orang tahu 46 telah meminta supaya jangan diundi Calon Barisan Nasional dan dia kalah. Salah satu daripada perkara yang ditimbulkan ialah masalah 2/3 majoriti, itu jelas terbukti...(BERTEPOK)...

YANG AMAT MULIA TENGKU SRI PADUKA RAJA

YANG BERHORMAT TENGKU IBRAHIM IBNI AL-MARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH (WAKIL TANGGOL): Yang Berhormat Mulia Yang di-Pertua, tidakkah itu satu proses demokrasi yang kita anuti? Itu adalah satu proses demokrasi yang sepatutnya kita terima, menang kalah itu yang kedua. Inilah dia konsep demokrasi yang kita harap kita terima apabila kita berlawan di dalam satu-satu pilihanraya itu tak usahlah mengguna jentera Kerajaan, tak usahlah guna PTN, tak usahlah guna Pegawai-Pegawai Pejabat Ugama, tak usahlah guna UPEN, tak usahlah guna UPU, tak usahlah guna macam-macam lagi benda perkara yang digunakan. Sekian.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (WAKIL SEBERANG TAKIR): ...Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya tidak tahuolah kalau Wakil Tanggol yang mewakili Semangat 46 masih lagi hendak menafikan kemenangan Calon Barisan Nasional di Kampung Raja sebagai satu kemenangan saya tidak tahuolah, jadi kalau begini payah kita hendak mengajak Wakil Tanggol mengadapi realiti apatah lagi mengajak Wakil Tanggol menyetujui dengan

15 November 1993

pindaan-pindaan Perlembagaan yang mencerminkan keadaan realiti yang ada sekarang, makin payah. Contoh yang kecil yang berlaku di Kampung Raja pun payah hendak diterima apatah lagi hendak kita ajak dia sama-sama menghayati semangat yang ada di belakang pindaan-pindaan yang dikemukakan ini Dato' Yang di-Pertua...

YANG AMAT MULIA TENGKU SRI PADUKA RAJA

YANG BERHORMAT TENGKU IBRAHIM IBNI AL-MARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH (WAKIL TANGGOL): Penjelasan, Yang Berhormat Mulia Yang di-Pertua - Persoalan yang saya bawa ini ialah cara kemenangan itu dijalankan...

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, saya tidak izin perkara itu dipersoalkan. Tidak dijadikan hujjah...

YANG AMAT MULIA TENGKU SRI PADUKA RAJA

YANG BERHORMAT TENGKU IBRAHIM IBNI AL-MARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH (WAKIL TANGGOL): Yang Berhormat Mulia Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat yang menjawab itu pun tolonglah ...

YANG BEHRORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ya, sila duduk.

YANG AMAT MULIA TENGKU SRI PADUKA RAJA

YANG BERHORMAT TENGKU IBRAHIM IBNI AL-MARHUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH (WAKIL TANGGOL): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN NGAH (WAKIL SEBERANG TAKIR): .. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebelum ini pun dalam forum, dalam sidang Dewan ini juga beberapa waktu yang lalu kita telah sedikit sebanyak bercakap berhubung dengan keadaan-keadaan yang menunjukkan dengan jelas kepada kita perlunya pindaan itu dibuat dan kita memang boleh dikatakan mencerminkan, cukup mencerminkan kehendak rakyat untuk meletakkan Raja dalam kedudukannya yang betul sebagai Raja Perlembagaan dalam negeri yang mengamalkan Demokrasi Berparlimen, kita ini kita tidak lari daripada semangat itu Dato' Yang di-Pertua. Saya setuju dengan apa yang dikatakan oleh Wakil Manir bahawa ada beberapa cara, sebenarnya banyak cara kita menghormati atau apa yang dikatakan tidak menghormati Raja. Ada orang mengatakan kita berpakaian secara Istiadat itu menghormati Raja dan yang tidak berpakaian tidak, kita tarik kuasa atau beri kuasa yang lebih kepada Raja menghormati Raja, ada orang yang mempertahankan Raja, tidak bayar cukai pun menghormati Raja jugak, macam-macam cara, Dato' Yang di-Pertua, jadi kalau kita hendak berbalah daripada segi mekanizam ini tentulah tidak habis-habis, tetapi saya suka kalau boleh merayu kepada Yang Berhormat Tanggol, Yang Berhormat Batu Buruk, Yang Berhormat Manir dan Yang Berhormat-Yang Berhormat Wakil Pembangkang supaya dapat kita memahami

15 November 1993

hasrat rakyat sekarang dalam masalah yang kita hadapi ini. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan ini mengucap terima kasih kepada tiga orang ahli bagi pihak Pembangkang yang telah berucap serta memberi pandangan mengenai pindaan Perlembagaan Negeri yang saya bentang sebentar tadi dan melahirkan bangkangan mereka atas pindaan-pindaan yang telah saya cadangkan.

Kita juga mengucap terima kasih kerana mereka juga sayang kepada Raja dan walaupun mereka sayang, kita lebih sayang kepada Raja jika dibandingkan dengan mereka sebab itu kita sentiasa melihat sesuatu yang boleh menjasakan kedudukan Raja. Kadang-kadang kita hairan juga bagi setengah-setengah ahli Pembangkang dia bercakap, saya teringat sebagaimana satu masa kebetulan saya berada di London orang ajak saya pergi ke Speaker's corner untuk dengar orang berucap. Saya telah dengar bagaimana seorang Kulit Hitam ...

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, tidak berapa dengar, cakap kuat sedikit.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: ... setengah-setengah bercakap dalam Dewan ini dia tidak merujuk kepada kenyataan dan sebagainya, teringat saya kepada satu cerita yang saya sendiri tengok di Speaker's Corner di High Park bila seorang Hitam dia naik - disitu bebas siapa hendak bercakap, dan di hadapan dia Orang Puteh termasuk saya seorang Hitam duduk di situ. Apa dia bercakap - dia kata "I remind you "White", one day "Black" will be the King of England" - jadi semua orang suka belaka, siapa hendak pergi terima orang Hitam macam dia...(KETAWA)... bercakap ikut sedap tetapi tidak mempunyai asas-asas yang cukup. Saya suka menasihatkan bahawasanya dalam membuat pertimbangan sesuatu kita masti lapangkan dada, bersihkan hati, tenangkan fikiran dan kita boleh bincang secara itu tidak dengan secara "prejudis" barulah kita dapat satu-satu natijah yang baik...

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN TAIB (WAKIL MANIR): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, penjelasan - Saya menyangkallah dakwaan Yang Amat Berhormat mengatakan bahawa bangkangan kami, ucapan kami tidak ada asas. Penghinaan yang dibuat oleh Pemimpin-pemimpin UMNO dalam ucapan, dalam surat khabar, dalam berbagai-bagai terhadap orang-orang yang tertentu memang hebat sekali. Ucapan-ucapan yang disampaikan diluar daripada Dewan yang menyatakan bahawa semua Negeri-negeri lain tadak dah Raja, Negeri kita

15 November 1993

ada. Ini kalau tidak menggambarkan hasrat, niat, maka saya rasa itu satu pentafsiran yang mungkin sulit diterima.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: ... Dato' Yang di-Pertua, sebagai seorang Islam kita mengharap sesuatu yang kita usaha kepada keizinan Allah Subhanahuwataala sebab itu pernah satu orang menyatakan iaitu terkenal di Timor Tengah -

ان اخیر ما يتعلّم من سماءٍ والاخلاص  
وان اخیر ما يهبط من سماءٍ والتوفيق

Kalau kita ada kejujuran dan kita ada keikhlasan insyaAllah kita akan dapat hidayah daripada Allah Subhanahuwataala. Maka ini perlu dimiliki oleh tiap-tiap seorang kita terutama sekali mereka yang diberi tanggongjawab untuk membuat sesuatu. Saya suka menjelaskan bahwasanya saya juga hairan dengan seorang Peguam dari Batu Buruk yang bercakap bahawa pindaan ini boleh menjatuhkan maruah Raja-Raja. Sebenarnya kita memelihara, saya suka menjelaskan bahwasanya pindaan ini telah dibuat iaitu mengikut proses yang betul, dibawa ke Majlis Raja-Raja dan setelah diperkenankan oleh Raja-Raja baru dibuat pindaan. Raja-Raja sendiri dah bersetuju dan kita membuat pindaan ini atas persetujuan Raja-Raja. Kita sedar bahawa kita ada Sembilan Raja dan tentulah pembawaan seorang tidak sama diantara satu sama lain dan Kerajaan Barisan Nasional melihat bahawa kita perlu memelihara kedudukan Raja-Raja supaya rakyat tidak marah kepada dia dan dia terhormat dan sebagainya maka oleh sebab itulah beberapa pindaan perlu kita lakukan bagi mengekalkan Raja sebagai Raja Berperlembagaan. Oleh sebab itu kita akan terus dan memberi jaminan bahwasanya Raja-Raja kita akan kekal dan akan terus menyanjung dia sebagai Lambang Perlembagaan dan juga Lambang Perpaduan dalam sabuah Negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi pindaan bukan dibuat dengan secara paksaan tetapi mengikut proses yang tertentu dan tentulah pandangan seorang Peguam tidak sama dengan pandangan berpuluhan Peguam terutama sekali Penasihat-Penasihat Undang-Undang dan juga Peguam Negara yang sama-sama memberi pandangan dalam soal ini sebab itu kita teruskan usaha ini sebagaimana yang telah diputuskan oleh kumpulan dan pendapat yang ramai sebagai sebuah Negara yang demokrasi.

Saya tidak suka mengambil masa yang panjang untuk mengulaskan lebih banyak dan apa yang saya suka sentuhkan lagi ialah banyak ahli-ahli Yang Berhormat marah kepada kakitangan Kerajaan yang turut katanya berkempen semasa

15 November 1993

Pilihanraya. Sebenarnya saya suka menjelaskan, Kerajaan sebagai satu Kerajaan, Parti yang mempunyai keluarga yang ramai, anak, cucu ramai, bila kita hentam kepada dia, dia mesti jelas apa yang dia buat. Begitu juga Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan, sebagaimana yang disebut oleh Wakil Tanggol tadi adalah tidak benar, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan memberi penjelasan tentang dasar Kerajaan yang dia sebagai Ketua, Implantal atas polisi yang dibuat oleh Kerajaan. Jadi kalau ada orang kata "Kenapa yang berbungkus ini" dia mesti jawab "kerana kita, tempat kita ada hujan, kita kena bungkus". Jadi bagi orang hendak mengkritik, dia mahu terbuka dan sebagainya. Sebab itu apa yang telah diutarakan sebagai penjelasan untuk melaksanakan dasar-dasar Kerajaan yang dijalankan oleh pihak Kerajaan. Jadi perkara yang seumpama ini tidaklah wajar kita mengkritik, menghentam kakitangan dan pegawai Kerajaan dan juga berlaku sebagaimana di Kelantan, di Sabah, di mana-mana.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja sedikit sebanyak dan sebahagian daripadanya telah pun dijelaskan oleh Yang Berhormat Wakil Seberang Takir tadi dan saya dengan ini mencadangkan supaya cadangan saya ini diluluskan.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, walaupun jam telah tunjuk pukul satu, saya hendak teruskan Rang Undang-Undang ini.

Cadangan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca bagi kali yang kedua kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan di persetujukan dengan suara terbanyak

RANG ENAKMEN UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (PINDAAN) 1993 DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

15 November 1993

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG ENAKMEN UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (PINDAAN) 1993 TELAH DI TIMBANGKAN DARI SATU SEKSYEN KE SATU SEKSYEN DAN TELAH DIPERSETUJUKAN DENGAN SUARA TERBANYAK TANPA PINDAAN.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya memaklumkan Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujukan dengan tiada pindaan, saya pohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI HARUN BIN ALI (WAKIL MERCANG): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujukan dengan suara terbanyak.

RANG ENAKMEN UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (PINDAAN) 1993 DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi Enakmen Bilangan 3 Tahun 1993.

15 November 1993

T A N G G U H A N

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI TAN SRI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Mulia  
Dato' Yang di-Pertua saya mencadangkan supaya Persidangan ini ditangguhkan  
kepada satu masa yang akan ditetapkan kemudian.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat  
sekalian, sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan ini ke satu masa dan  
tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

MESYUARAT TAMAT PADA PUKUL 1.05 TENGAH HARI.

HMN/-

DICETAK OLEH PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA TERENGGANU.  
1994

